# LAPORAN TAHUNAN 2018

LEMBAGA
PEMBANGUNAN
LANGKAWI

www.lada.gov.my

LADA

# ISI KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| 1.0 | **PERUTUSAN PENGERUSI BERSAMA JEMAAH PENGARAH** | 4 |
| 2.0 | **JEMAAH PENGARAH** | 6 |
| 3.0 | **VISI, MISI & DASAR KUALITI** | 8 |
| 4.0 | **FUNGSI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI** | 10 |
| 5.0 | **CARTA ORGANISASI** | 12 |
| 6.0 | **PRESTASI INDUSTRI** | |
| | Ketibaan & Pendapatan Pelancong | 16 |
| | Penginapan Pelancong di Hotel | 16 |
| | Penerbangan Sewa Khas | 16 |
| | Penerbangan Antarabangsa & Domestik | 17 |
| | Ketibaan Kapal Persiaran | 17 |
| | Pelaburan Perancangan & Pembangunan Tanah | 18 |
| | Blueprint | 30 |
| | Senarai Projek Pada Tahun 2018 | 31 |
| | Peluang Pekerjaan | 33 |
| | Perusahaan Kecil & Sederhana | 33 |
| 7.0 | **LANGKAWI UNESCO GLOBAL GEOPARK** | |
| | UNESCO Global Geopark | 36 |
| | Geopark Partner | 37 |
| | Geopark Ambassador | 39 |
| | Geopark Produk | 40 |
| | Maskot Langkawi UNESCO Global Geopark | 41 |
| | Program Pendidikan | 41 |
| | Senarai Pameran | 46 |
| 8.0 | **PROMOSI PELANCONGAN ANTARABANGSA & DOMESTIK** | |
| | Misi Jualan & Pameran | 50 |
| | Penerbitan & Pemasaran | 52 |
| | FAM Trip | 58 |
| | Program Pelancongan | 61 |
| | Program Pembangunan Industri 2018 | 65 |
| 9.0 | **KALENDAR PELANCONGAN** | |
| | Acara | 72 |
| 10.0 | **LADA & KOMUNITI** | |
| | Pembangunan Komuniti | 78 |
| 11.0 | **OPERASI & KHIDMAT PENGURUSAN** | |
| | Maklumat Perjawatan | 86 |
| | Unit Sewaan Dan Pengurusan Aset | 99 |
| | Unit Perolehan | 108 |
| | Prestasi Kewangan | 109 |
| | Pembangunan ICT | 111 |
| | Penginstitusian Integriti | 112 |
| | Unit Audit Dalam | 116 |
| | Perundangan LADA | 118 |
| | Kelab Sukan & Kebajikan LADA | 120 |
| | Puspanita LADA | 124 |
| 12.0 | **ANAK SYARIKAT LADA / SYARIKAT BERSEKUTU** | |
| | Pengurusan Anak Syarikat | 128 |
| 13.0 | **PENYATA KEWANGAN (TELAH DIAUDIT) LADA TAHUN 2018** | 132 |

# 1.0 PERUTUSAN PENGERUSI BERSAMA JEMAAH PENGARAH

**Datuk Seri Johari Bin Abdul Ghani**
Pengerusi Bersama LADA
Merangkap Menteri Kewangan II

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Penerbitan Laporan Tahunan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) merupakan wadah penting bagi mendokumentasikan setiap pencapaian prestasi dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh LADA dan anak syarikatnya bagi tahun 2018.

Langkawi menerima kunjungan seramai 3.63 juta orang pelawat pada tahun 2018 berbanding 3.68 juta pelawat pada 2017 serta menjana perolehan pelancongan sebanyak RM1.72 bilion. Pada tahun 2018, LADA telah menjadikan kebudayaan, kesenian, warisan dan pertukangan serta aktiviti mencerap burung, menyelam dan inap desa sebagai bidang baharu untuk dibangunkan dan dimajukan untuk dinikmati oleh pelancong antarabangsa yang berkunjung ke Langkawi.

Ketibaan pelancong asing ke Malaysia dari negara jiran seperti Brunei, Indonesia, Singapura dan Thailand telah mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan kerana pasaran-pasaran ini menawarkan pelbagai mod pengangkutan iaitu udara, darat dan air untuk berkunjung ke Malaysia.

Selain itu, para pelancong dari negara-negara tersebut telah mengambil peluang ke atas penurunan nilai mata wang Malaysia untuk berbelanja. Usaha kerajaan untuk memperkenalkan kemudahan visa percuma dan e-visa kepada pasaran China turut membuahkan hasil dengan peningkatan ketibaan pelancong dari China.

Industri pelancongan terus mejadikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan yang terkemuka di seluruh dunia dengan menambah peluang pertumbuhan baharu. Langkawi terus menjadi tumpuan dunia apabila menjadi tuan rumah kepada PATA Travel Mart dari 12 hingga 14 September dan meraih pendapatan sebanyak RM83.25 juta.

Sebagai Badan Berkanun yang progresif dan dinamik, LADA sentiasa memastikan sistem penyampaian perkhidmatan yang strategik dengan perspektif holistik, meliputi modal insan, struktur organisasi, proses penyampaian perkhidmatan dan nilai yang dikongsi bersama. Selain itu, pembangunan ekonomi Langkawi turut dititikberatkan terutama yang melibatkan komuniti Langkawi melalui pelaksanaan pelbagai program mencakupi pelbagai lapisan masyarakat agar tidak ketinggalan dan bersama-sama menikmati kesejahteraan.

Saya yakin prestasi industri pelancongan Langkawi akan terus mampan dan mantap andai semua pihak bekerjasama untuk mencapai aspirasi pelancongan negara iaitu memajukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan kebudayaan bertaraf dunia dan membina jati diri bangsa berteraskan seni, budaya dan warisan asli negara.

**YAB Dato' Seri Diraja Ahmad Bashah Bin Md. Hanipah**
Pengerusi Bersama LADA
Merangkap Menteri Besar Kedah Darul Aman

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana penerbitan Laporan Tahunan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) 2018 telah dapat dilaksanakan sekali lagi dengan jayanya. Ucapan syabas saya kepada semua pegawai dan kakitangan LADA kerana telah bekerjasama memastikan prestasi pengurusan dan pelancongan Langkawi terus cemerlang, baik di peringkat negeri mahupun di persada antarabangsa.

Keunikan, keindahan dan kecantikan alam semula jadi Langkawi memang diakui ramai, ini ditambah pula dengan sejarah legenda silamnya yang kaya dengan cerita-cerita rakyat yang mampu menarik minat para pelancong dari seluruh pelusuk dunia.

Semua ini adalah berkat hasil usaha dan pandangan jauh para pemimpin yang melihat potensi Langkawi untuk berkembang sehingga menjadi antara destinasi pelancongan terkemuka di dalam peta pelancongan dunia. Kunjungan pelancong yang silih berganti menjadikan Langkawi berkembang pesat dan menggalakkan pertumbuhan ekonominya sehingga berjaya memacu dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduknya.

Sejak mengambil alih pentadbiran selepas Pilihanraya Umum Ke-14, Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada pelaksanaan pelan tindakan dan pendekatan baharu yang telah dirangka untuk dilaksanakan dengan kadar yang segera. Berkat sokongan padu Kerajaan Persekutuan di Putrajaya, Kerajaan Negeri Kedah telah bertekad untuk memacu pertumbuhan negeri ini agar mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negeri-negeri lain.

Dalam mencapai hasrat ini, pelbagai cabaran akan dihadapi namun saya percaya hasil sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk daripada kalangan rakyat sendiri akan dapat membantu dalam menjayakan matlamat ini.

Ini selaras dengan misi Kerajaan Persekutuan iaitu merangka dan melaksana dasar dan pelan tindakan yang efektif serta menyeluruh demi memaju dan membangunkan negeri supaya hasilnya dapat dinikmati oleh rakyat.

Saya yakin kita boleh lebih optimistik terhadap potensi negeri kita dalam pelbagai sektor terutamanya pelancongan yang merupakan nadi utama ekonomi Langkawi. Kerajaan telah mengenal pasti sukan pelancongan sebagai salah satu bidang yang boleh menarik lebih ramai pelancong, di samping dapat meningkatkan aliran masuk pelancong asing ke Langkawi dan Kedah amnya seperti Langkawi International Triathlon dan Langkawi International Mountain Bike Challenge.

Dengan ini, tiada yang akan dipinggirkan dan peluang untuk meningkatkan taraf hidup agar semua dapat menjalani kehidupan dengan aman, makmur dan sejahtera. Di dalam hidup bermasyarakat, kita mestilah menyemai dan menyuburkan semangat muhibbah, toleransi dan bersatu padu agar dapat membantu kerajaan untuk melaksana pelbagai projek pembangunan di Langkawi untuk manfaat bersama.

Kita haruslah bersyukur dengan suasana aman dan damai yang kita nikmati pada hari ini. Kita harus mendoakan agar ianya kekal selamanya.

Akhir kalam, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Lembaga Pembangunan Langkawi yang menerbitkan Laporan Tahunan 2018 dan semoga naskhah ini akan menjadi rujukan penting kepada pembaca untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan LADA dan Langkawi.

# 2.0 JEMAAH PENGARAH

**Ahli Lembaga Pengarah LADA terdiri daripada 2 orang Pengerusi Bersama dan 4 orang ahli. Salah seorang Pengerusi Bersama ialah Menteri Besar Kedah. Manakala seorang lagi Pengerusi Bersama adalah Timbalan Menteri Kewangan II yang dilantik oleh Perdana Menteri. Akta Lembaga Pembangunan Langkawi (Akta 423) telah menetapkan bahawa 3 orang ahli lembaga perlu dilantik oleh Perdana Menteri selepas berunding dengan Menteri Besar. Pengurus Besar LADA pula menjadi ahli ex-officio dalam Lembaga Pengarah LADA.**

**Pengerusi Bersama LADA telah melantik 3 orang ahli Lembaga Pengarah yang berkebolehan dan berintegriti tinggi, iaitu seorang wakil daripada Kementerian Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Unit Perancang Ekonomi serta daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Keanggotaan ahli Lembaga Pengarah LADA mencerminkan perpaduan dan kerjasama erat serta komitmen yang tinggi di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dalam memacu pembangunan pelancongan Pulau Langkawi.**

**Datuk Seri Johari Bin Abdul Ghani**
Pengerusi Bersama LADA
Merangkap Menteri Kewangan II

**YAB Dato' Seri Diraja Ahmad Bashah Bin Md. Hanipah**
Pengerusi Bersama LADA
Merangkap Menteri Besar Kedah Darul Aman

**YBhg. Dato' Haji Md. Zuki Bin Haji Siru**
Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Kedah Darul Aman

**YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Isa Bin Hussain**
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Pelaburan), Kementerian Kewangan Malaysia

**YB Nor Saidi Bin Nanyan**
Ahli Dewan Undangan
Negeri Kuah

**YBhg. Dato' Haji Azizan Bin Noordin**
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi

# 3.0 VISI, MISI & DASAR KUALITI

## VISI

Menjadi agensi peneraju untuk pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia.

## MISI

Menyelaras dan melaksanakan pelbagai inisiatif pembangunan melalui amalan pengurusan dan sistem penyampaian yang berkesan.

Naturally
LANGKAWI

# DASAR KUALITI

LADA komited menjadikan Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan terkemuka di dunia serta mensejahterakan penduduk Langkawi melalui sistem penyampaian dan tadbir urus yang cekap dan berkesan. Kepuasan pelanggan akan sentiasa ditingkatkan melalui pematuhan kepada keperluan-keperluan dan penambahbaikan berterusan Sistem Pengurusan Kualiti.

# 4.0 FUNGSI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

**Lembaga Pembangunan Langkawi atau LADA telah diperbadankan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Langkawi (Akta 423) dan ditubuhkan pada 15 Mac 1990. Merupakan sebuah agensi Badan Berkanun Persekutuan yang diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan Malaysia untuk membangunkan Pulau Langkawi serta memajukannya sebagai destinasi eko-pelancongan utama dunia. LADA mendapat sokongan daripada YB Menteri Kewangan II dan YAB Menteri Besar Kedah yang bertindak sebagai Pengerusi Bersama bagi menerajui kepimpinan Jemaah Pengarah LADA bagi memastikan hasrat dan matlamat penubuhan tercapai. Berteraskan pembangunan bersepadu melalui perancangan strategik, amalan pengurusan terbaik dan kolaboratif strategik dengan agensi-agensi Kerajaan, industri dan pemimpin masyarakat menjadi agenda utama di LADA.**

## Pelancongan & Zon Bebas Cukai

- Melaksana dan menguruskan program dan projek pembangunan pelancongan
- Bertindak sebagai penyelaras dengan merangka inisiatif dan mekanisme yang efektif
- Merangka strategi menyeluruh untuk pembangunan pelancongan komersial dan perniagaan bebas cukai
- Membangun dan memperkasakan infrastruktur dan pemudah cara pentadbiran serta sistem penyampaian

## Pelaburan

- Melaksanakan sebahagian daripada tugas-tugas perancangan fizikal dan spatial untuk menggalakkan pelaburan swasta
- Menggalakkan pelaburan swasta untuk pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan melalui perancangan dan pengurusan strategik

## Sosio-Ekonomi

- Merancang, menyelaras dan melaksana program bagi penglibatan masyarakat di dalam sektor-sektor ekonomi
- Menyelaraskan program-program dan aktiviti-aktiviti berkaitan
- Mewujudkan, menggalakkan serta mengusahakan program pembangunan sosio-ekonomi

# 5.0 CARTA ORGANISASI

**YBHG. DATO' HAJI AZIZAN BIN NOORDIN**
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(01/12/2016 SEHINGGA 30/11/2018)

**TUAN AHMAD ZAINI BIN ZABA'AI**
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN)
(17/04/2016 SEHINGGA 16/04/2018)

**TUAN HAJI MOHD ASRI REDHA BIN ABDUL RAHMAN**
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(PENGURUSAN)
(15/03/2017 SEHINGGA SEKARANG)

**MUSTAFA BAKRI BIN ALIAS SANI**
BAHAGIAN PERANCANGAN
(PENGURUS)
(01/03/2017 SEHINGGA SEKARANG)

**IR. ROHAYA BINTI P. KAMAL**
BAHAGIAN KEJURUTERAAN TEKNIKAL
(PENGURUS)
(01/12/2014 SEHINGGA SEKARANG)

**AZMIL MUNIF BIN MOHD BUKHARI**
BAHAGIAN GEOPARK
(PENGURUS)
(01/02/2017 SEHINGGA SEKARANG)

**KHALID BIN IBRAHIM**
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA DAN
KHIDMAT PENGURUSAN
(PENGURUS)
(15/05/2016 SEHINGGA SEKARANG)

**WAFFA WAHIDA BINTI ZAINOL**
UNIT PEMANTAUAN DAN
PELAKSANAAN (PENGURUS)
(01/11/2016 SEHINGGA SEKARANG)

**RAJA MOHD FIRDAUS BIN RAJA MOHD HARUN AL-RASHID**
BAHAGIAN PELABURAN DAN PEMUDAHCARA
PERNIAGAAN (PENGURUS)
(01/11/2017 SEHINGGA 10/09/2018)

**NOR AZNAN BIN SULAIMAN**
BAHAGIAN PELANCONGAN
(PENGURUS)
(15/02/2017 SEHINGGA 14/02/2018)

**ROZAINI BINTI OTHMAN**
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN
PENYELIDIKAN (PENGURUS)
(18/05/2015 SEHINGGA 30/04/2018)

**SHARUDIN BIN HASSAN**
UNIT PEMBANGUNAN KOMUNITI
(PENGURUS)
(11/02/2018 SEHINGGA SEKARANG)

**AZRYDA BINTI MOHD AKIB**
BAHAGIAN KEWANGAN
(PENGURUS)
(01/06/2018 SEHINGGA SEKARANG)

**WAN MOHD RAHIM BIN YUSOF**
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
(PENGURUS)
(06/03/2017 SEHINGGA 30/11/2018)

**MUHAMMAD IZZAM BIN ZAILAINI**
UNIT UNDANG-UNDANG
(PENGURUS)
(19/02/2018 SEHINGGA 31/07/2018)

**ABDUL AZIZ BIN ISAHAK**
UNIT AUDIT DALAM
(PENGURUS)
(01/10/2017 SEHINGGA SEKARANG)

**MUHAMMAD KHAIRI BIN AZIZAN**
UNIT INTEGRITI
(KETUA UNIT)
(01/06/2015 SEHINGGA SEKARANG)

# PRESTASI INDUSTRI

# 6.0

# 6.0 PRESTASI INDUSTRI

## 6.1 Ketibaan Pelawat & Pendapatan Pelancong

**3.628 Juta**
Jumlah Ketibaan Pelawat 2018
Sumber : MAHB dan Jabatan Laut

**3.679 Juta**
Jumlah Ketibaan Pelawat 2017

**RM1.721 Bilion**
Jumlah Pendapatan Pelancong 2018
Sumber : LADA

**RM1.587 Bilion**
Jumlah Pendapatan Pelancong 2017

## 6.2 Penginapan Pelancong di Hotel

**2,912,503**
Jumlah Penginapan Pelancong 2018
Sumber : Tourism Malaysia

**3,110,133**
Jumlah Penginapan Pelancong 2017

## 6.3 Penerbangan Sewa Khas

| BIL. | DESTINASI | SYARIKAT PENERBANGAN | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| 1. | Chengdu, China | Malindo | 22 |
| 2. | Kunming, China | Malindo | 16 |
| 3. | Guiyang | Malindo | 8 |
| 4. | Zunyi, China | Malindo | 6 |
| 5. | Guangzhou, China | Malindo | 4 |
| 6. | Hong Kong, China | China Eastern Airlines | 6 |
| | | **Jumlah** | **62 kali** |
| | | **Jumlah Penumpang** | **36,419** |

## 6.4 Penerbangan Antarabangsa & Domestik

| SYARIKAT PENERBANGAN | MAS | AIR ASIA | | | | FIREFLY | | MALINDO AIRLINE | | | | | | SCOOT | CHINA SOUTHERN AIRLINES | HARIAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| LOKASI | KLIA | KLIA 2 | PENANG | JOHOR BAHRU | SINGAPORE | SUBANG | PENANG | SUBANG | KLIA | MELAKA | PHUKET | CHENGDU | KUNMING | SINGAPORE | GUANGZHOU | |
| Isnin | 6 | 10 | 5 | 0 | 1 | 1 | 1 | 5 | 3 | 1 | 1 | 1 | 0 | 1 | 1 | **37** |
| Selasa | 4 | 10 | 3 | 1 | 2 | 0 | 1 | 5 | 4 | 1 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | **33** |
| Rabu | 4 | 10 | 5 | 0 | 1 | 1 | 1 | 5 | 4 | 1 | 1 | 1 | 0 | 1 | 1 | **36** |
| Khamis | 6 | 10 | 3 | 1 | 2 | 0 | 1 | 5 | 4 | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | **34** |
| Jumaat | 6 | 11 | 4 | 1 | 1 | 1 | 1 | 5 | 4 | 1 | 1 | 1 | 0 | 2 | 1 | **40** |
| Sabtu | 6 | 10 | 3 | 1 | 1 | 0 | 1 | 5 | 4 | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | **33** |
| Ahad | 6 | 11 | 4 | 1 | 1 | 1 | 1 | 5 | 4 | 1 | 1 | 1 | 0 | 2 | 0 | **39** |
| **Mingguan** | **38** | **72** | **27** | **5** | **9** | **4** | **7** | **35** | **27** | **7** | **4** | **4** | **3** | **7** | **3** | **252** |

## 6.5 Ketibaan Kapal Persiaran

**94,172**

**Jumlah Pendapatan Pelancong 2018 (Januari - September 2018)**

Sumber: Tourism Malaysia

**106,537**

**Jumlah Pendapatan Pelancong 2017**

## 6.6 Pelaburan Perancangan & Pembangunan Tanah

**JUMLAH PELABURAN MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN 2016 - 2018**




**JUMLAH PELABURAN MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN 2018**



Pertambahan jumlah semua projek-projek pelaburan secara langsung membantu memberi impak kepada jumlah pelaburan ke Langkawi dengan menjana jumlah pelaburan bernilai RM4.8 bilion iaitu terdapat peningkatan nilai pelaburan berbanding tahun 2017. Berikut merupakan nilai pelaburan yang direkodkan dari tahun 2016 sehingga 2018.

| | | |
|---|---|---|
| Pembangunan Bercampur | 4,280 Juta | (88%) |
| Kediaman | 187.7 Juta | (4%) |
| Komersial | 15.7 Juta | (0%) |
| Hotel / Resort | 366.3 Juta | (8%) |
| Institusi | 22 Juta | (0%) |
| Infra | 17 Juta | (0%) |
| Menara Telco | 1.3 Juta | (0%) |

**STATISTIK NILAI PELABURAN BAGI TAHUN 2016 - 2018**

| TAHUN | NILAI PELABURAN (RM' Bilion) |
|---|---|
| 2016 | 1.314 |
| 2017 | 1.099 |
| 2018 | 4.889 |

Jadual 1: Nilai Pelaburan dari tahun 2016-2018 (Sumber: MPLBP)

**PENGURUSAN TANAH & PENGGUNAAN RERUANG (SPATIAL)**

Unit Pengurusan Tanah masih meletakkan sasaran terhadap tanah yang berpotensi dan strategik sebagai tambahan kepada bank tanah LADA. Sasaran ini telah dilaksanakan melalui beberapa proses seperti pembelian, permohonan tanah dan pengambilan balik tanah kerajaan.

Hal ini dapat membantu LADA dalam mengawal pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal mapan di atas tanah-tanah milik LADA tanpa mengabaikan pemeliharaan alam semula jadi Pulau Langkawi. LADA juga dapat mengatur perancangan yang lebih strategik dalam memastikan pembangunan Pulau Langkawi sebagai Pulau Pelancongan & Geopark yang bertaraf antarabangsa.

Jumlah keseluruhan pegangan tanah pada tahun 2018 seperti di dalam sistem DLand LADA ialah 2146.664 ekar. Jumlah ini telah meningkat sebanyak 3.3% berbanding tahun sebelumnya iaitu 2077.422 ekar. Berikut ialah perbandingan jumlah keseluruhan tanah milik LADA bagi tahun 2016 hingga 2018.

**Jumlah Keseluruhan Tanah Milik LADA (2016-2017)**






**Taburan tanah milik lada Tahun 2018**

| | |
|---|---|
| Kuah | 25% |
| Padang Masiarat | 44% |
| Ayer Hangat | 9% |
| Kedawang | 14% |
| Bohor | 1% |
| Ulu Melaka | 7% |

**PERATUSAN TANAH MENGIKUT MUKIM**

Sejak penubuhan LADA 20 tahun lalu, pembangunan yang pesat telah meningkatkan nilai tanah di Langkawi dan memberikan impak yang inklusif kepada pemaju dan pemilik hartanah serta penduduk setempat. Berikut merupakan pecahan urus tadbir semasa tanah-tanah milik LADA.

| | |
|---|---|
| Pajakan | 46% |
| Sewaan | 2% |
| *M & O (Manage & Operate)* | *9%* |
| Pengurusan LADA | 13% |
| Tanah Kosong | 24% |
| Belum Dapat Hak Milik | 7% |

| TANAH | PAJAKAN | | SEWAAN | | MENGURUS & OPERASI | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| MUKIM | KELUASAN | % | KELUASAN | % | KELUASAN | % |
| Padang Matsirat | 477.221 ekar | 53 | 2.364 ekar | 8 | 87.393 ekar | 53 |
| Kedawang | 21.845 ekar | 3 | - | - | 52.254 ekar | 32 |
| Ayer Hangat | 56.861 ekar | 6 | - | - | 17.580 ekar | 10 |
| Ulu Melaka | 104.100 ekar | 11 | 7.097 ekar | 23 | 4.560 ekar | 3 |
| Kuah | 247.445 ekar | 27 | 20.971 ekar | 69 | 2.909 ekar | 2 |
| Bohor | - | - | - | - | - | - |
| **Jumlah** | **907.47 ekar** | **100** | **30.432 ekar** | **100** | **164.696 ekar** | **100** |

## PENGAMBILAN BALIK TANAH BAGI PEMBINAAN JALAN TEMOYONG

Pembangunan pesat Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan pelaburan telah mengubah corak pembangunan infrastruktur, ekonomi dan pemilikan tanah yang dilihat lebih terarah untuk menampung kehendak industri pelancongan. Antara pembangunan infrastuktur yang telah dijalankan ialah Projek Pembinaan Jalan Temoyong ke Teluk Baru iaitu sepanjang 4.3km. LADA sebagai agensi pembayar bagi projek berkenaan telah meletakkan Unit Pengurusan Tanah agar terlibat secara langsung bagi pengambilan balik tanah (fasa 2) bagi pembinaan tersebut yang kini 83% telah selesai.




Alignment Pembinaan Jalan Temoyong ke Teluk Baru

Kerja-kerja Pembinaan Jalan Temoyong ke Teluk Baru

Kerja-kerja Pembinaan Jalan Temoyong ke Teluk Baru

**PEMANTAUAN TANAH KOSONG MILIK LADA**

Sehingga Disember 2018, terdapat 36 lot tanah LADA berkeluasan 485.392 ekar masih belum dibangunkan. Berikut merupakan pecahan tanah kosong LADA mengikut mukim.



| | |
|---|---|
| Ayer Hangat | 5% |
| Kedawang | 36% |
| Bohor | 4% |
| Ulu Melaka | 6% |
| Kuah | 4% |
| Padang Masiarat | 45% |

**Pecahan Tanah Kosong LADA**

Bagi mengelakkan pencerobohan ke atas tanah kosong milik LADA, Unit Pengurusan Tanah telah bertindak melaksanakan pemantauan ke atas tanah-tanah hak milik LADA. Pemantauan ini dilaksanakan sebanyak 2 kali setahun iaitu sesi pertama pada bulan Jun dan sesi kedua pada bulan Disember. Hasil pemantauan mendapati tanah-tanah kosong ini masih lagi di peringkat selamat daripada pencerobohan. Walau bagaimanapun sebagai langkah keselamatan, pembinaan pagar di atas Plot A, Plot B, Plot C dan Plot D, Kawasan LISRAM, Mukim Kuah, Langkawi telah dilaksanakan dan pada tahun 2019, unit ini dalam perancangan memasang pagar di atas Lot 261 Sek.3 & 262 Sek.3, Kawasan Teluk Yu, Mukim Ayer Hangat, Langkawi.

**Kerja-kerja Pemasangan Pagar di Kawasan LISRAM, Mukim Kuah, Langkawi**

**KAWALAN PEMBANGUNAN**

Kawalan pembangunan mengawal perancangan dan pembangunan terutamanya projek yang dibangunkan di atas tanah milik LADA dengan menggunapakai piawaian-piawaian kawalan dan perancangan yang telah diwartakan sebagai garis panduan perancangan dalam memastikan segala perancangan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.




Rancangan Struktur Negeri Kedah




Garis Panduan Perancangan Kawasan Perdagangan

Rancangan Tempatan Daerah Langkawi




Blueprint Pelancongan Langkawi

Akta Perancangan Bandar dan Desa

## DOKUMEN KAWALAN PEMBANGUNAN YANG DIGUNAPAKAI OLEH UNIT KAWALAN PEMBANGUNAN LADA

Pelbagai pihak termasuklah LADA telah bekerjasama dalam mengeluarkan satu panduan perancangan baru Pulau Langkawi agar lebih seiring dengan pembangunan semasa.

**RANCANGAN TEMPATAN DAERAH LANGKAWI 2030 (PENGGANTIAN)**

Pihak Berkuasa Negeri Kedah telah memberi persetujuan pada 29 Disember 2016 kepada Draf Rancangan Tempatan Daerah Langkawi 2030 (penggantian) sepertimana diperuntukkan di bawah Subseksyen 15(4) Akta Perancangan Bandar & Desa 1976 (Akta 172). Tarikh Siar Notis Warta: 02 Januari 2017 No. 865 (Tambahan Warta Kedah 126).

LADA merupakan salah satu Jabatan Teknikal dan tidak terkecuali dalam memberikan ulasan ke atas semua permohonan kebenaran merancang yang dikemukakan oleh pihak Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP). Ulasan-ulasan yang diulas bermatlamatkan kelangsungan pengiktirafan 'Langkawi Geopark' di Pulau Langkawi dan ulasan terhadap laporan penilaian kesan alam sekitar (EIA) yang dikemukakan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar.

| ULASAN | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
|---|---|---|---|---|---|
| Kebenaran Merancang (KM) | 46 Ulasan | 68 Ulasan | 41 Ulasan | 48 Ulasan | 45 Ulasan |
| Penilaian Kesan Alam Sekitar | 2 Ulasan | 1 Ulasan | 4 Ulasan | 4 Ulasan | 5 Ulasan |
| **JUMLAH** | **48 Ulasan** | **69 Ulasan** | **45 Ulasan** | **52 Ulasan** | **55 Ulasan** |




Ulasan yang telah dikeluarkan oleh Unit Kawalan Pembangunan LADA pada tahun 2014, 2015, 2016, 2017 & 2018

LADA juga mempunyai tanah di sekitar Pulau Langkawi yang sebahagiannya dipajak kepada pelabur-pelabur untuk dibangunkan. Pemantauan dijalankan setiap bulan ke atas tanah-tanah milik LADA agar mengikut jadual pelaksanaan yang telah ditetapkan dan laporan Pemantauan dikeluarkan setiap bulan untuk Pengurusan Tertinggi LADA.

Laporan Pemantauan Projek yang telah dikeluarkan oleh Unit Kawalan Pembangunan LADA pada tahun 2018.




Pemantauan pelaksanaan Projek melibatkan 10 projek di mana 9 projek di peringkat pelaksanaan pembangunan & hanya 10% projek yang telah siap selebihnya diperingkat perolehan CCC (siap).

## PROJEK HIASAN LANDSKAP

### LANDSKAP *ANNUAL FLOWER* DI SEKITAR LOBI LADA

Unit Pembangunan Landskap juga telah melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf landskap di sekitar lobi LADA supaya kelihatan lebih ceria dan indah. Kerja-kerja hiasan ini dilaksanakan oleh Unit Pembangunan Landskap secara dalaman. Antara jenis pokok *annual flower* (bungaan semusim) yang digunakan adalah Celosia argentea var.plumosa dan Targetes erecta. Pokok-pokok ini disusun di dalam kolam air terjun yang tidak digunakan lagi.

### MENAIK TARAF POKOK HIASAN DI KAWASAN PRODUK-PRODUK LADA

Sepanjang tahun 2018, Unit Pembangunan Landskap juga telah menambah baik landskap di beberapa kawasan produk-produk LADA iaitu di pintu masuk utama dan Galeri Perayaan Taman Lagenda, Dewan Badminton Kompleks Sukan Langkawi dan Bulatan Yooi.

Pokok-pokok tersebut telah disemai dan ditanam sendiri oleh kakitangan Unit Pembangunan Landskap.

Kerja-kerja penanaman pokok hiasan di Galeri Perayaan Taman Legenda

Kerja-kerja penanaman pokok hiasan di Pintu Masuk Utama Taman Legenda

Kerja-kerja penanaman pokok hiasan di kawasan sekitas Kompleks Sukan LADA

Kerja-kerja menaiktaraf kawasan Lobi LADA

Kerja-kerja menaiktaraf kawasan Lobi LADA

## PENGURUSAN LANDSKAP

**PENYELENGGARAAN, PEMANGKASAN DAN PENEBANGAN POKOK YANG BERISIKO DI KAWASAN MILIK LADA**

**RM79,000**

Pemangkasan pokok di Kompleks Sukan LADA

Pemangkasan pokok di Taman Lagenda Langkawi

Pemangkasan pokok di Taman Desa Permata

**PENYELENGGARAAN SENITAMAN DI KAWASAN PRODUK DAN ASET LADA**

Kerja-kerja penyelenggaraan senitaman di Langkawi Fall

Kerja-kerja penyelenggaraan senitaman di Taman Lagenda

Kerja-kerja penyelenggaraan senitaman di River Park, Kuala Sungai Melaka

**HIASAN LANDSKAP BAGI ACARA-ACARA YANG DIANJURKAN LADA**

Unit Pembangunan Landskap juga telah dipertanggugjawabkan untuk melaksanakan hiasan landskap bagi acara-acara yang telah dianjurkan oleh LADA seperti:

- PATA Travel Mart
- Perhimpunan Bulanan LADA, dan lain-lain.

Hiasan sempena acara PATA Travel Mart

Hiasan sempena acara PATA Travel Mart

Hiasan sempena acara PATA Travel Mart

Hiasan sempena acara PATA Travel Mart

## 6.7 Blueprint

**PENGURUSAN PROJEK**

LADA telah melaksanakan pelbagai projek menerusi beberapa inisiatif serta peruntukan seperti Rancangan Malaysia (RMK) dan Blueprint Pelancongan Langkawi (BPL) untuk kemajuan Langkawi. LADA turut mengadakan pemantauan agar setiap kerja dilaksanakan mengikut jadual.

Berikut merupakan senarai projek pembangunan yang dilaksanakan pada tahun 2018:

**Projek Papan Tanda Tunjuk Arah Destinasi Produk Pelancongan Langkawi dan ID Sign Langkawi UNESCO Global Geopark**

**RM794,000**

**Naik Taraf Sistem Perparitan di Bandar Kuah, Langkawi**

**RM2,000,000**

**Pembinaan Jalan Dari Kuala Temonyong Ke Telok Baru dan Pantai Tengah, Langkawi, Kedah**

**RM48,900,000**

**Menaik taraf Jalan Persekutuan (Jalan LIMA FT168) Bulatan Airport - Pulapot dan Kerja-kerja Berkaitan di Padang Matsirat, Langkawi, Kedah**

**RM300,000**

- Siap
- Pelaksanaan
- Batal

## 6.8 Senarai Projek Pada Tahun 2018

**TENDER / SEBUTHARGA DI DALAM PERANCANGAN 2018**

**TENDER**

| BIL. | KERJA | JANGKAAN PELAKSANAAN |
|---|---|---|
| 1. | Cadangan Membaik Pulih Dan Menaik Taraf Auditorium Dan Ruang Pejabat Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Kompleks LADA, Langkawi, Kedah Darul Aman. | September 2019 |
| 2. | Projek Membaik Pulih Dan Menaik Taraf Jeti Pelancongan Kuah, Langkawi, Kedah Darul Aman. | Oktober 2019 |
| 3. | Projek Menaik Taraf Tandas Dan Menggantikan Sistem Pembentungan Di Tasik Dayang Bunting, Langkawi, Kedah Darul Aman. | September 2019 |
| 4. | Meroboh Dan Membina Semula Kemudahan Jeti Pendaratan Pelancong Di Teluk Mempelam, Pulau Langgun, Langkawi, Kedah Darul Aman. | Disember 2019 |
| 5. | Meroboh Dan Membina Semula Kemudahan Jeti Pendaratan Pelancong Di Gua Cherita, Langkawi, Kedah Darul Aman. | Disember 2019 |
| 6. | Cadangan Penggantian Pontoon Dan Kerja Berkaitan Di Jeti Teluk Bujur, Pulau Tuba, Langkawi, Kedah Darul Aman. | Disember 2019 |
| 7. | Cadangan Membina Baharu Jambatan Sungai Perangin, Oriental Village, Langkawi, Kedah Darul Aman. | Disember 2019 |
| 8. | Cadangan Pembinaan Tembok Penahan Di River Bay Sungai Kilim, Langkawi, Kedah Darul Aman. | Disember 2019 |

**SEBUTHARGA**

| BIL. | KERJA | JANGKAAN PELAKSANAAN |
|---|---|---|
| 1. | Kerja Baik Pulih Jambatan Lengkung Dan Laluan Pejalan Kaki (Hadapan Tapak Pasar Malam Kuah & Hotel Goldsand) Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan, Kuah, Langkawi, Kedah Darul Aman. | Mei 2019 |
| 2. | Kerja Membina Baharu Platform Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jeti Lubuk Chempedak, Pulau Tuba, Langkawi, Kedah Darul Aman. | Mei 2019 |
| 3. | Kerja Pembaikan Sistem Pembentungan Sediada Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Loji Kumbahan B & C Di Taman Nilam, Langkawi, Kedah Darul Aman. | Februari 2019 |
| 4. | Cadangan Membina Laluan Pejalan Kaki Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kebuk Arang, Kubang Badak, Langkawi, Kedah Darul Aman. | Jun 2019 |

**TENDER**

| BIL. | KERJA | TEMPOH PELAKSANAAN |
|---|---|---|
| 1. | Pembinaan Jalan Dari Kuala Temoyong Ke Teluk Baru Dan Pantai Tengah, Langkawi, Kedah Darul Aman. | 24 Januari 2018 - 23 Januari 2020 |
| 2. | Projek Pusat Discovery Geopark, Kilim, Langkawi, Kedah Darul Aman. | 13 Jun 2016 - 11 April 2019 |

**TENDER / SEBUTHARGA TELAH SIAP PADA 2018**

**TENDER**

| BIL. | KERJA | TARIKH SIAP |
|---|---|---|
| 1. | Cadangan Kerja-Kerja Naik Taraf Sistem Perparitan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Bandar Kuah, Langkawi, Kedah Darul Aman. | 5 Disember 2018 |

**SEBUTHARGA**

| BIL. | KERJA | TARIKH SIAP |
|---|---|---|
| 1. | Kerja Baik Pulih Bangunan Surau Sekolah Menengah Kebangsaan Mahsuri, Kuah, Langkawi, Kedah Darul Aman. | 15 Mac 2018 |
| 2. | Kerja Penambahbaikan Surau An-Nur Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kampung Padang Lalang, Kuah, Langkawi, Kedah Darul Aman. | 1 April 2018 |
| 3. | Kerja Menurap Semula Sebahagian Jalan Dan Membina Baharu Pintu Gerbang Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kg. Bukit Tangga, Ulu Melaka, Langkawi, Kedah Darul Aman. | 2 April 2018 |
| 4. | Kerja Baik Pulih Masjid Al-Hijrah Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Pulau Tuba, Langkawi, Kedah Darul Aman. | 18 April 2018 |
| 5. | Kerja Pembaikan Bumbung Di Masjid Aisyah, Kuah, Langkawi, Kedah Darul Aman. | 29 Mei 2018 |
| 6. | Kerja Membekal Dan Memasang Platform & Tiang Pengikat Platform Di Jeti Selat Bagan Pauh Di Pulau Tuba, Langkawi, Kedah Darul Aman. | 20 Jun 2018 |
| 7. | Kerja Baik Pulih Sebahagian Kecil Kemudahan Awam Sediada Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Telaga Tujuh, Langkawi, Kedah Darul Aman. | 15 September 2018 |
| 8. | Kerja-Kerja Menurap Semula Sebahagian Jalan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Simpang Driving Range LADA Hingga Gelanggang Boling Padang Kompleks Sukan Langkawi. | 17 November 2018 |
| 9. | Kerja Membina Persimpangan Baharu Di Kawasan Perumahan Jenis C Di Taman Nilam, Mukim Kuah, Langkawi. | 22 November 2018 |
| 10. | Kerja Baik Pulih Jalan Penghubung Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan (Kawasan Pulau Dayang Bunting) Di Jambatan Pulau Tuba-Dayang Bunting, Langkawi. | 15 Oktober 2018 |
| 11. | Kerja Baik Pulih Laluan Pejalan Kaki Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Gua Wang Buluh-Wang Lebah, Pulau Tuba. | 1 Disember 2018 |
| 12. | Kerja Menjalankan Kerja Membina Ruang Kelas Kafa, Setor Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Masjid Al-Hidayah, Kelibang, Mukim Kuah, Langkawi. | 22 Disember 2018 |
| 13. | Kerja Baik Pulih Dan Penggantian Susur Tangan Sediada Di Kawasan Paya Bakau Dan Kerja Penambahbaikan Surau, Jalan Masuk Dan Lantai Kawasan Panel Info (Bangunan Jeti) Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya Di Jeti Kilim, Langkawi. | 16 Disember 2018 |

## 6.9 Peluang Pekerjaan

Secara tidak langsung, projek pembangunan bercampur terutama dalam industri pelancongan sehingga September 2018, mencatatkan penawaran peluang pekerjaan kepada penduduk Langkawi dimana sejumlah 1,470 kekosongan kerja yang ditawarkan pada tahun ini.

| TAHUN | JUMLAH |
|---|---|
| 2016 | 988 |
| 2017 | 1,621 |
| 2018 *Sehingga September | 1,470 |

Jadual 2: Jumlah kekosongan kerja dari tahun 2016-2018 (Sumber: Pejabat Tenaga Kerja Langkawi)

## 6.10 Perusahaan Kecil & Sederhana

Sektor perusahaan kecil dan sederhana turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi di Langkawi. Bilangan perniagaan baharu di Langkawi sehingga September, 2018 telah direkodkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti yang tertera di bawah:

| TAHUN | JUMLAH |
|---|---|
| 2016 | 2,077 |
| 2017 | 1,921 |
| 2018 *Sehingga September | 1,541 |

Jadual 3: Jumlah Perusahaan Kecil dan Sederhana dari tahun 2016-2018 (Sumber: SSM)

# 7.0

# LANGKAWI UNESCO

# GLOBAL GEOPARK

# 7.0 LANGKAWI UNESCO GLOBAL GEOPARK

## 7.1 UNESCO Global Geopark

**APA ITU UNESCO GLOBAL GEOPARK?**

UNESCO Global Geopark merupakan kawasan yang mempunyai tapak dan landskap warisan geologi antarabangsa yang diuruskan secara holistik dengan konservasi, pendidikan dan pembangunan lestari. UNESCO Global Geopark menggunakan warisan geologi yang menghubungkan pelbagai aspek warisan semulajadi dan budaya setempat untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman kepada isu utama bumi. Terdapat 147 buah UNESCO Global Geopark daripada 41 buah negara.

**LANGKAWI UNESCO GLOBAL GEOPARK**

Keseluruhan gugusan 99 buah pulau di Langkawi adalah di dalam kawasan Geopark serta mempunyai keluasan seluas 920 kilometer persegi termasuk lautan.

GUA BUAYA

GUA LANGSIR

**KRITERIA UNESCO GLOBAL GEOPARK**

- UNESCO Global Geopark adalah kawasan yang mempunyai tapak dan landskap yang bernilai warisan geologi antarabangsa yang diuruskan secara holistik dengan konservasi, pendidikan dan pembangunan lestari;
- UNESCO Global Geopark perlu menggunakan warisan semulajadi dan budaya setempat untuk memupuk kesedaran tentang isu yang dialami oleh bumi seperti proses geologi, geobencana, perubahan iklim, serta penggunaan sumber alam yang cekap;
- UNESCO Global Geopark adalah sebuah kawasan dengan badan pengurusan yang diiktiraf di bawah undang-undang kebangsaan;
- Status UNESCO Global Geopark akan memberi nilai tambah kepada program sedia ada seperti Tapak Warisan Dunia dan Man & Biosphere Reserve;
- UNESCO Global Geopark perlu aktif melibatkan komuniti tempatan sebagai pemegang taruh utama dalam sebuah geopark;
- UNESCO Global Geopark digalakkan berkongsi kepakaran dan melaksanakan projek bersama dengan UNESCO Global Geopark yang lain; dan
- UNESCO Global Geopark perlu melindungi warisan geologi dengan undang-undang berkaitan dalam masa yang sama mempromosikan kesedaran dan kepentingan warisan geologi.

## 7.2 Geopark Partner

**KRITERIA LANTIKAN GEOPARK PARTNER**

- Komited terhadap pemuliharaan geowarisan dan mempromosikan Langkawi UNESCO Global Geopark;
- Menyokong setiap inisiatif operasi Langkawi UNESCO Global Geopark;
- Mempamerkan bahan promosi dan berita terkini mengenai Langkawi UNESCO Global Geopark dalam premis;
- Menyediakan dan memperkenalkan produk-produk yang membantu penjenamaan Langkawi UNESCO Global Geopark;
- Memastikan kakitangan syarikat menjalani latihan kapasiti mengenai Langkawi UNESCO Global Geopark; dan
- Bekerjasama dengan Langkawi UNESCO Global Geopark demi mencapai objektif yang digariskan oleh UNESCO.

## SENARAI GEOPARK PARTNER 2019-2020

### HOTEL

Four Seasons Hotels and Resorts
Geopark Discovery Center

The Frangipani Langkawi Resort & Spa

The Andaman Resort Langkawi, The Luxury Collection
Marina Center

### OPERATOR PELANCONGAN

UMGAWA Zipline Eco Adventures

LADA Eco-Tourism Sdn. Bhd. (Co. No. 518734-V)

Panorama Langkawi

Underwater World Langkawi

Kompleks Kraf Langkawi

Explore The Largest Crocodile Adventureland in Malaysia

Naan Langkawi Watersports - Cruise - Tours - Day resort

Langkawi Wildlife Park

Tropical Charters Langkawi

### BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

LTGA Langkawi Tourist Guides Association

FLAG Friends of Langkawi Geopark

Trash Hero Langkawi

Lafarge

Persatuan Langkawi Perlancongan

### PRODUK PELANCONGAN KOMUNITI

Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad

Pak Malau

### PUSAT AKADEMI

PPD Pejabat Pendidikan Daerah Setu

PPL Pusat Penyelidikan Langkawi

## 7.3 Geopark Ambassador

**OBJEKTIF GEOPARK AMBASSADOR**

Melantik Geopark Ambassador dari kalangan komuniti Langkawi supaya boleh menjadi peneraju utama dalam menjaga kelestarian dan pembangunan wilayah Geopark dan menjadi sumber informasi berkaitan Langkawi Geopark kepada komuniti setempat.

**PERANAN GEOPARK AMBASSADOR**

1. Menyampaikan maklumat yang tepat mengenai Langkawi UNESCO Global Geopark kepada komuniti.

2. Bertanggungjawab dan bercerita kepada komuniti yang hadir mengenai peranan dan tanggungjawab komuniti dalam menjaga sumber semulajadi Langkawi UNESCO Global Geopark.

3. Mewakili Langkawi UNESCO Global Geopark dalam kalangan komuniti khususnya bagi meningkatkan kesedaran, mengekalkan imej dan meningkatkan kedatangan pelawat serta membantu menjana peluang peningkatan ekonomi kepada komuniti setempat.

4. Mempromosikan Langkawi UNESCO Global Geopark dalam acara dan program yang dihadiri.

5. Tidak menyebarkan maklumat yang tidak diketahui sumbernya.

**SENARAI GEOPARK AMBASSADOR / DUTA GEOPARK SIRI 2 (2018-2020)**

**PENDIDIK**
- Encik Teh Cheng Chye, Bekas Pengetua
- Puan Sufina Halim, Sekolah Menengah Kebangsaan Mahsuri
- Encik Ammar Qanwa Mokhtar, Sekolah Kebangsaan Kelibang
- Puan Hajah Norini Wan Awang, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Mahsuri

**PEMANDU PELANCONG**
- Encik Mohd Nasarudin Ibrahim, Langkawi Tourist Guide Associate
- Encik Othman Ayeb, Pemandu Pelancong
- Puan Indara Rahayu Mohd Noor, Langkawi Tourist Guide Associate
- Puan Fuziah Mohamad, Pemandu Pelancong
- Puan Nor Azlina Ahmad, Pemandu Pelancong & Pengasas Geocookies

**USAHAWAN**
- Encik Hussien Mohd Said, Mega Watersport
- Encik Irshad Mobarak, Naturalis
- Encik Anthony Wong, The Frangipani Langkawi Resort & Spa
- Encik Razmi Rahmat, Pengurus Besar Hotel Adya
- Encik Aidi Abdullah, Four Seasons Resort

**KOMUNITI KREATIF**
- Encik Khairuddin Abdul Hamid, Artis Pelukis
- Dr. Ghani, Langkawi Herbwalk
- Pak Malau, Pemilik Restoran Nasi Dagang Pak Malau

**TOURISM COMMUNITY LEADERS**
- Encik Imran Bin Ismail, Koperasi Kilim
- Encik Omar Bin Ariffin, Koperasi Kilim
- Encik Mehad Bin Daud, Sangkar Ikan Kilim
- Encik Rusasmizal Bin Mohd Ghazali, Koperasi Kubang Badak
- Encik Sabri Bin Musa, Koperasi Kubang Badak

**PROGRAM BERSAMA GEOPARK AMBASSADOR 2018**

| BIL. | NAMA PROGRAM | TARIKH / TEMPAT | BIL. PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | Lawatan Kerja Explore The Geopark Bersama Geopark Ambassador ke Geopark Jerai, Kedah | 7-9 Februari 2018 Geopark Jerai, Kedah | 21 Duta Geopark |
| 2. | Perjumpaan dan Pelantikan Geopark Ambassador Siri 2 bersama Ketua Pegawai Eksekutif, LADA | 14 Ogos 2018 Bilik Mesyuarat Utama, Aras 8, Kompleks LADA | 22 Duta Geopark |
| 3. | Sesi Taklimat dan Ramah Mesra Geopark Partner dan Geopark Ambassador Langkawi UNESCO Global Geopark 2018 | 16 Ogos 2018 Oriental Village, Cable Car Langkawi | 22 Duta Geopark 22 Geopark Partner |
| 4. | Program GeoVisit ke Satun Geopark | 13-15 Disember 2018 Satun Geopark | 22 Duta Geopark 22 Geopark Partner |
| 5. | Program GEOIdea Percambahan Ilmu Bersama Duta Geopark dan Partner ke Kubang Badak Biogeotrail | 18 Disember 2018 Jeti Kubang Badak Biogeotrail | 22 Duta Geopark 22 Geopark Partner |

## 7.4 Geopark Produk

Produk geopark merupakan inisiatif dalam mempromosikan kesedaran tentang warisan budaya dan kepentingan kepelbagaian warisan turun temurun dalam pemprosesan makanan dan produk.

**OBJEKTIF GEOPARK PRODUK**

Meningkatkan penglibatan komuniti dalam pembangunan sosioekonomi dan terlibat dengan pelancongan yang merupakan industri utama Langkawi.

**SENARAI PRODUK BERKONSEPKAN GEOPARK ADALAH:**

Geocookies

Coconut Shell Craft

Hand Made Soap

Marble Craft


Glass Blowing Crystal

Herbal Coffee

Virgin Coconut Oil

Sea Cucumber Chocolate Chip Biscuit

## 7.5 Maskot Langkawi UNESCO Global Geopark

Pengenalan OBIT sebagai Maskot Langkawi UNESCO Global Geopark merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh Bahagian Geopark dan Konservasi sempena menyambut ulangtahun ke-11 Langkawi UNESCO Global Geopark pada 27 Oktober 2018 di Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hangat. Maskot Obit akan memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran awam mengenai status Langkawi sebagai UNESCO Global Geopark.

Nama Obit diambil daripada perkataan trilobit, salah satu hidupan kompleks terawal yang hidup di bumi sejak 550 juta tahun lalu. Trilobit pupus pada 250 juta tahun yang lalu semasa kepupusan massa terbesar yang direkodkan.

Trilobit merupakan haiwan marin yang mempunyai taburan yang meluas di seluruh dunia. Pelbagai spesies trilobit telah dijumpai dan pelancong boleh melihat kesan fosil ini di Langkawi. Spesies yang paling penting adalah trilobit Saukia yang dijumpai dalam batu pasir Formasi Machinchang yang merupakan spesies yang dipilih sebagai Obit, Maskot Langkawi UNESCO Global Geopark.

## 7.6 Program Pendidikan

**SENARAI PROGRAM**

- GEOVolunteer
- GeoTalk
- GEOPark To School
- School To GEOPark
- GEOClub
- GEOTeacher
- GEOCamp
- GEOCruise
- GEOMangrove
- GEOCoral

- Tujuan program-program tersebut adalah memberi pendidikan sebagai asas kesedaran dan konsep pemuliharaan alam sekitar serta dapat melihat dengan lebih dekat dan memahami konsep Langkawi UNESCO Global Geopark

- Geopark To School & School To Geopark merupakan konsep pembelajaran luar kelas yang memberi tumpuan kepada konsep pemuliharaan dan pemeliharaan kepada pelajar

**GEOVolunteer**

Objektif : Program yang berbentuk khidmat masyarakat dan berbakti kepada komuniti setempat serta memberi pendedahan tentang kepentingan ekosistem paya bakau.

| BIL. | NAMA INSTITUSI | TARIKH / TEMPAT | BIL. PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | International Islamic University Malaysia (UIAM) – Gotong-royong | 27 Januari 2018<br>Sekitar Pulau Langkawi | 40 pelajar<br>3 guru pengiring |
| 2. | Universiti Teknologi MARA, Shah Alam – Gotong-royong | 30 Januari 2018<br>Telaga Tujuh | 35 pelajar |
| 3. | EASIN Volunteer Travel bersama My Rainforest Route & Evant Planner- Gotong-royong / Mural Sekolah dan lain-lain | 7-9 Februari 2018<br>Telaga Tujuh dan Pantai Cenang<br>4-10 Ogos 2018 | 30 peserta<br>9 orang |
| 4. | Sekolah Menengah Kebangsaan Kelibang – Gotong-royong | 4 April 2018<br>Gua Cerita | 50 pelajar<br>10 guru pengiring |
| 5. | Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) – Gotong-royong | 10 April 2018<br>Pulau Beras Basah | 150 anggota |

**GEOTalk**

Objektif : Keterlibatan komuniti dalam pengurusan Langkawi Geopark merupakan antara kriteria yang di syaratkan oleh UNESCO

Antara program kesedaran yang dirangka ialah :-

- Taklimat Langkawi Geopark dan lawatan berpandu kepada jabatan / agensi; dan

| BIL. | NAMA INSTITUSI/SEKOLAH | TARIKH / TEMPAT | BIL. PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | E-Idaman – Sekolah Kebangsaan Pulau Tuba | 7 November 2018<br>Pulau Tuba | 40 pelajar<br>3 guru pengiring |
| 2. | EKSA Group – Merlimau, Melaka | 25 Oktober 2018<br>Auditorium, LADA | 40 orang |
| 3. | Karnival MOF – End Plastic pollution | 4 - 5 Mei 2018<br>Dataran Lang, Langkawi | 100 pelajar |

**GEOMangrove**

Objektif : Memberi pendedahan kepada pelajar dan komuniti tentang kepentingan ekosistem paya bakau kepada hidupan lain

| BIL. | NAMA INSTITUSI/SEKOLAH | TARIKH / TEMPAT | BIL. PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | Mutiara International Grammar School Sdn. Bhd. – Konservasi anak benih bakau | 17 Januari 2018<br>Santuari Bakau Kilim Karst Geoforest Park | 31 pelajar<br>4 guru pengiring |
| 2. | Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra – Konservasi anak benih bakau | 28 Februari 2018<br>Santuari Bakau, Kilim Karst Geoforest Park dan STG ke Kilim Karst Geoforest Park | 28 pelajar<br>10 guru pengiring |
| 3. | Langkawi Fair- Konservasi anak benih bakau | 2 September 2018<br>Santuari Bakau Kilim Karst Geoforest Park | 25 kakitangan |
| 4. | Universiti Teknologi Petronas (UTP) – Konservasi anak benih bakau | 5 September 2018<br>Santuari Bakau Kilim Karst Geoforest Park | 25 pelajar |
| 5. | ASEAN Youth Volunteer | 3-20 Ogos 2018<br>Sekitar Langkawi | 50 peserta |
| 6. | Politeknik Sultan Ibrahim- Konservasi anak benih bakau | 5 Oktober 2018<br>Santuari Bakau, Kilim Karst Geoforest Park | 40 pelajar<br>4 guru pengiring |
| 7. | Karnival Geopark – Tadika & Taska (KEMAS)- Konservasi anak benih bakau | 25 Oktober 2018<br>Langkawi Nature Park | 60 pelajar<br>10 guru pengiring |
| 8. | Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chung Hwa – Konservasi anak benih bakau | 31 Oktober 2018<br>Santuari Bakau, Kilim Karst Geoforest Park | 40 pelajar<br>4 guru pengiring |
| 9. | Sekolah Kebangsaan Alor Melintang, Alor Setar- Gotong-royong | 2 November 2018<br>Kilim Karst Geoforest Park | 50 pelajar<br>5 guru pengiring |
| 10 | Perkhemahan Sains Alam Semulajadi Murid Sekolah Menengah Tahun 2018 Peringkat Kebangsaan (UPM) | 3 November 2018<br>Santuari Bakau, Kilim Karst Geoforest Park | 100 pelajar<br>7 pensyarah |

**GEOCoral**

Objektif : Mendidik pelajar mengenai isu hidupan laut bagi menggalakkan amalan yang bertanggungjawab ke atas persekitaran marin serta mewujudkan generasi muda yang prihatin terhadap kepentingan mamalia marin.

| BIL. | NAMA INSTITUSI / SEKOLAH | TARIKH / TEMPAT | BIL. PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | Langkawi Tourism Academy (KK Langkawi) – Karnival Geopark Day 2018 | 27 Oktober 2018<br>Pulau Pasir, Langkawi | 80 orang |
| 2. | Malaysia Airport Berhad – CSR Coral Reef Restoration | 19 November 2018<br>Jeti Kubang Badak Biogeotrail | 30 orang |

**GEOClub**

Objektif : Memperkasakan Langkawi UNESCO Global Geopark dengan cara menubuhkan kelab-kelab Geopark di setiap sekolah sekitar Langkawi serta mewujudkan sudut informasi kepada pelajar-pelajar dan komuniti setempat.

| BIL. | NAMA INSTITUSI / SEKOLAH | TARIKH / TEMPAT | BIL. PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1. | Program Culture Exchange Malaysia – Japan 2018 (Chuo High School) | SMK Kedawang<br>28 Mac 2018<br>31 Mac 2018 | 48 pelajar<br>4 guru |
| 2. | Geopark Day 2018 – Pemberian Native Tree kepada Sekolah-sekolah seluruh Langkawi untuk Geopark Club | 27 Oktober 2018<br>SMK Ayer Hangat | 30 buah sekolah |
| 3. | Pertandingan Hijau Sempena – Geopark Day 2018 | 27 Oktober 2018<br>SMK Ayer Hangat | 10 buah sekolah |
| 4. | Majlis Hi-Tea Sempena Penyampaian Hadiah 'Geopark Junior Guide' 2018 | 15 November 2018<br>Adya Hotel Langkawi | 15 buah Sekolah Rendah dan Menengah |

**GEOTeacher**

Objektif : Menyediakan guru-guru Langkawi yang mempunyai pengalaman yang luas mengenai Langkawi Geopark supaya dapat menyampaikan kepada dapat menyampaikan kepada pelajar maklumat berkaitan GeoPark dengan lebih dekat dan berkesan.

| BIL. | NAMA INSTITUSI / SEKOLAH | SESI PERTAMA | BIL. GURU |
|---|---|---|---|
| 1. | Maktab Rendah Sains MARA | 18 September 2018 | 3 guru penyelaras |
| 2. | Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra | 18 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 3. | Sekolah Kebangsaan Langkawi | 18 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 4. | Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (T) Ladang Sungai Raya | 18 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 5. | Sekolah Kebangsaan Seri Lagenda | 18 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 6. | Sekolah Menengah Kebangsaan Langkawi, Pulau Tuba | 18 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 7. | Sekolah Kebangsaan Pulau Tuba | 18 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 8. | Sekolah Kebangsaan Lubuk Cempedak, Pulau Tuba | 18 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 9. | Sekolah Kebangsaan Seri Negeri | 18 September 2018 | 2 guru penyelaras |

| BIL. | NAMA INSTITUSI / SEKOLAH | SESI PERTAMA | BIL. GURU |
|---|---|---|---|
| 10. | Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chung Hwa | 18 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 11. | Sekolah Kebangsaan Ewa | 18 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 12. | Sekolah Menengah Ayer Hangat | 18 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 13. | Sekolah Kebangsaan Penghulu Ahmad | 18 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 14. | Sekolah Kebangsaan Kilim | 18 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 15. | Sekolah Menengah Kebangsaan Kelibang | 18 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 16. | Kolej Vokasional Langkawi | 19 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 17. | Sekolah Kebangsaan Nyior Chabang | 19 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 18. | Sekolah Kebangsaan Sungai Menghulu | 19 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 19. | Sekolah Kebangsaan Kelibang | 19 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 20. | Sekolah Kebangsaan Selat Bagan Nyior, Pulau Tuba | 19 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 21. | Sekolah Kebangsaan Temonyong | 19 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 22. | Sekolah Kebangsaan Kedawang | 19 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 23. | Sekolah Kebangsaan Ulu Melaka | 19 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 24. | Sekolah Menengah Kedawang | 19 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 25. | Sekolah Menengah Mahsuri | 19 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 26. | Sekolah Kebangsaan Padang Matsirat | 19 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 27. | Sekolah Kebangsaan Kuala Teriang | 19 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 28. | Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Min Nam | 19 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 29. | Sekolah Kebangsaan Bayas | 19 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 30. | Maktab Mahmud Langkawi | 19 September 2018 | 2 guru penyelaras |
| 31. | Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hangat | 18 November 2018<br>Kubang Badak Biogeotrail | 60 guru dan pelajar |

| 7. | Kerja-kerja pemasangan sliding door dan pembaikan Tandas Surau Taman Cenderawasih | Ulu Melaka |
| 8. | Kerja-kerja baik pulih Surau Al Sakiinah Kuala Melaka | Padang Matsirat |
| 9. | Pembelian meja pelajar Sekolah Menegah Kebangsaan Mahsuri | Kuah |
| 10. | Pembaikan rumah mangsa kebakaran Kampung Kisap | Kuah |
| 11. | Pembaikan rumah mangsa kebakaran Kampung Ewa | Ayer Hangat |
| 12. | Projek gotong-royong rumah muafakat NBOS di Kampung Syed Nahar | Kuah |
| 13. | Projek gotong-royong rumah muafakat NBOS di Kampung Nyior Cabang | Bohor |
| 14. | Projek gotong-royong rumah muafakat NBOS di Kampung Belanga Pecah | Kuah |

Selain itu, pada 2018 juga terdapat 2 projek khas dilaksanakan melalui program tanggungjawab sosial korporat Kementerian Kewangan (MOF) sempena program MOF bersama rakyat. Antara projek-projek khas yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

| BIL. | PROJEK | MUKIM |
|---|---|---|
| 1. | Projek naik taraf Masjid Sungai Itau | Ayer Hangat |
| 2. | Projek naik taraf bangunan KAFA Masjid Kelibang | Kuah |

| DUN | | BILANGAN PROJEK | JUMLAH [RM] |
|---|---|---|---|
| Ayer Hangat | [53%] | 9 | 586,560.00 |
| Kuah | [47%] | 8 | 248,765.20 |

Pembangunan komuniti melibatkan elemen-elemen kerjasama dan usaha serta penggunaan segala sumber yang ada untuk memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat yang terlibat.

Projek dan program yang telah dilaksanakan oleh LADA dan agensi bersama-sama komuniti dilihat berjaya menghasilkan impak positif bagi semua pihak. Pelaksanaannya telah meningkatkan pendapatan sosio ekonomi, modal insan dan pembinaan sahsiah yang baik. Ini secara tidak langsung mencerminkan keseimbangan antara penglibatan komuniti dan pembangunan pesat pelancongan di Langkawi.

# 11.0

# OPERASI & KHIDMAT PENGURUSAN

# 11.0 OPERASI & KHIDMAT PENGURUSAN

## 11.1 Maklumat Perjawatan

Pengukuhan organisasi LADA sebagai sebuah organisasi yang berdaya saing dan dinamik menjadi keutamaan demi memacu transformasi organisasi sejajar dengan kehendak dan aspirasi Pengurusan Tertinggi LADA.

Struktur organisasi LADA mempunyai lapan bahagian dan enam unit yang didokong dengan kekuatan 315 perjawatan. Daripada jumlah perjawatan tersebut, 299 orang pegawai dan kakitangan telah mengisi jawatan di pelbagai skim perkhidmatan sehingga 31 Disember 2018. LADA turut melaksanakan pembelian perkhidmatan seramai 51 orang pegawai dan kakitangan secara kontrak perkhidmatan '*Contract For Service*'. Maklumat perjawatan adalah seperti berikut:

Semenjak penubuhan LADA yang telah mencapai usia 28 tahun, LADA telah didokong dengan 299 orang tenaga kerja dan daripada jumlah tersebut seramai 149 orang merupakan anak kelahiran Langkawi. Pengisian jawatan oleh anak kelahiran Langkawi ini juga adalah sejajar dengan hasrat dan saranan daripada Ahli Lembaga Pengarah LADA seperti jadual di bawah:

**PERJAWATAN MENGIKUT NEGERI KELAHIRAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2018**

**149**

**PERJAWATAN ANAK KELAHIRAN LANGKAWI**
Tetap: 119
Kontrak: 30

**110**

**PERJAWATAN ANAK KELAHIRAN NEGERI KEDAH**
Tetap: 102
Kontrak: 8

**91**

**PERJAWATAN ANAK KELAHIRAN LAIN-LAIN NEGERI**
Tetap: 78
Kontrak: 13

**PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

Pembangunan Modal Insan merupakan teras utama pembangunan sumber manusia. Ia mampu meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti, inovasi serta memupuk minda kelas pertama melalui amalan terbaik (*best practices*) dan tadbir urus yang cemerlang di kalangan warga organisasi. LADA turut menitikberatkan hal ini dengan memberi fokus secara mendalam terhadap pengurusan strategik sumber manusia melalui pelbagai inisiatif dan kaedah yang bersesuaian.

**PEMBANGUNAN KOMPETENSI**

Pembangunan kompetensi merupakan elemen penting bagi melahirkan lebih ramai pegawai dan kakitangan yang mempunyai pemikiran dan sikap yang progresif. LADA giat merangka dan melaksanakan pembangunan kompetensi yang bersesuaian bagi memastikan kekompetenan warga kerjanya serta tadbir urus pengurusan organisasi sentiasa di tahap yang terbaik untuk mencapai visi dan misinya. Antara program latihan dan kompetensi yang telah dirancang adalah seperti berikut:

Pada tahun 2018, sebanyak 100 program pembangunan kompetensi telah dilaksanakan yang merangkumi 33 program dalaman dan 67 program luaran. Kejayaan pelaksanaan program ini telah mencapai syarat minima empat hari berkursus setahun sebagaimana yang telah diperuntukan di dalam sasaran pencapaian Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 LADA. Berikut merupakan perincian maklumat program pembangunan kompetensi yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018:

**PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN KOMPETENSI TAHUN 2018**

Pegawai dan kakitangan dilihat lebih kompeten dan berdaya saing selepas menghadiri kursus-kursus yang bersifat generik / teknikal yang mana ilmu dan kepakaran yang dipelajari bersesuaian dengan bahagian / unit di LADA serta selaras dengan hala tuju strategik LADA. Rajah di bawah menerangkan rekod kehadiran berkursus bagi pegawai dan kakitangan LADA pada tahun 2018:



| | | |
|---|---|---|
| Mencapai 4 Hari Berkursus | 99.1% | 346 Orang |
| Kurang Daripada 4 Hari Berkursus | 0.9% | 3 Orang |

**PROGRAM CAREER ENRICHMENT (C-Rich)**

Program Pengayaan Kerjaya (C-Rich) merupakan salah satu platform bagi mendedahkan pegawai dan kakitangan terhadap pengetahuan dan kemahiran baru melalui pengalaman penempatan di organisasi lain. Mereka berpeluang untuk mempelajari budaya kerja berprestasi tinggi di kementerian / agensi / jabatan lain di samping mengadaptasi dan mengamalkan amalan tadbir urus yang terbaik agar Pengurusan LADA sentiasa di tahap yang cemerlang.

Pada tahun 2018, Pengurusan LADA telah bersetuju meluluskan seorang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi mengikuti penempatan sementara di Tourism Malaysia. Pegawai tersebut telah mengikuti program itu dengan jayanya selama satu minggu bermula dari 25 hingga 29 Jun 2018.

**PROGRAM KNOWLEDGE SHARING**

Program Perkongsian Ilmu merupakan salah satu platform percambahan idea dan pindahan pengetahuan di antara pegawai dan kakitangan LADA yang telah menghadiri program pembangunan kompetensi luaran. Program ini dilihat dapat meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan prestasi kakitangan LADA.

Pada tahun 2018, sebanyak sembilan slot telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 237 orang pegawai dan kakitangan LADA. Pemilihan tajuk dan peserta dibuat berdasarkan keperluan kompetensi teknikal di setiap bahagian / unit. Berikut merupakan perincian program ini yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018:

| BIL. | PROGRAM KNOWLEDGE SHARING | TARIKH | TEMPAT | BILANGAN PESERTA |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 1st International Conference For Environmental Researches And Teachers (ICERT)<br>**Cik Saniah Binti Ismail** | 15 Mac 2019 | Kompleks LADA | 12 |
| 2. | Pemantapan Fungsi Dan Peranan Audit Dalam Bagi Pelaksanaan Audit Berasaskan Risiko Melalui Kawalan Dalaman Yang Efektif<br>**Encik Abdul Aziz Bin Isahak** | 16 April 2018 | Kompleks LADA | 10 |
| 3. | Pembangunan Kerjaya Dalam Organisasi "Kecemerlangan Dan Profesionalisme Setiausaha Pejabat"<br>**Puan Shariza Binti Sobri** | 28 Mei 2018 | Kompleks LADA | 10 |

| BIL. | PROGRAM KNOWLEDGE SHARING | TARIKH | TEMPAT | BILANGAN PESERTA |
|---|---|---|---|---|
| 4. | Program Pembangunan Eksekutif - Strategic Leadership How To Build Lead And Sustain A High Performance Organisation **Puan Nordiana Binti Nordin** | 16 Julai 2018 | Kompleks LADA | 41 |
| 5. | Dasar Keselamatan ICT **Encik Mohd Hadrulladfti Bin Mamat** | 15 Ogos 2018 | Auditorium, Kompleks LADA | 100 |
| 6. | Tadbir Urus Tatacara Kawalan Dalaman Dan Perkongsian Amalan Terbaik Pengurusan Perolehan **Puan Selyhazli Bnti Razalli** | 29 Ogos 2018 | Kompleks LADA | 21 |
| 7. | Futures Thinking And Scenario Planning (FTSP) **Puan Furzannie Hanna Binti Arif** | 4 Oktober 2018 | Kompleks LADA | 15 |
| 8. | Satu Mekanisme Check & Balance Dalam Sistem Perancangan **Puan Noor Shahadah Binti Saidin** | 11 Oktober 2018 | Kompleks LADA | 13 |
| 9. | Finance For Non - Finance Managers **Puan Shuhaila Binti Ahmad Rozi** | 17 Oktober 2018 | Kompleks LADA | 15 |

**PROGRAM ON JOB TRAINING**

Program *On Job Training* (OJT) merupakan salah satu kaedah latihan yang digunapakai oleh pegawai penyelia bagi memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada pegawai dan kakitangan LADA tentang kemahiran asas pejabat, persekitaran tempat kerja yang baharu, skop kerja serta tugasan yang dipertanggungjawabkan.

Sepanjang tahun 2018, terdapat 13 pegawai dan kakitangan baharu telah dilantik oleh Pengurusan LADA sama ada secara tetap, kontrak perkhidmatan / kontrak untuk perkhidmatan untuk melalui penilaian OJT oleh pegawai penyelia masing-masing setelah tiga bulan melapor diri berkhidmat di LADA. Jadual berikut merupakan laporan pencapaian Program OJT:

| SKALA | PETUNJUK | BIL. PEGAWAI |
|---|---|---|
| Cemerlang | 85 – 100 % | 2 |
| Baik | 75 – 84 % | 4 |
| Memuaskan | 50 – 74 % | 7 |
| Tidak Memuaskan | 0 – 49 % | 0 |

**PROGRAM G.R.O.W. LADA**

Program G.R.O.W. merupakan satu program pembelajaran bersemuka di antara mentor dan mentee. Secara umumnya, program ini menumpukan kepada usaha untuk memberi ruang dan peluang kepada pegawai supaya berfikir lebih matang, bertingkah laku dengan lebih berdisiplin serta membentuk personaliti yang menarik. Setiap pegawai terpilih (Mentee), diberi bimbingan dan nasihat oleh Mentor untuk:

Pada tahun 2018, seramai 11 orang pegawai dan kakitangan lantikan baharu di LADA telah menjalani penilaian G.R.O.W. oleh setiap pegawai penyelia masing–masing selama enam bulan. Berikut merupakan laporan penilaian program:



**ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2018**

Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018 telah dilaksanakan berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2012 – Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang dan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang mana semua penerima menerima insentif adalah seperti rajah di bawah:

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang LADA bagi tahun 2018 telah dilaksanakan pada 13 Mac 2019, bertempat di Hotel Aloft, Langkawi. Penerima anugerah tersebut adalah seramai 28 orang iaitu 4 orang daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 24 orang lagi daripada Kumpulan Pelaksana.

Gambar Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang LADA Tahun 2018 bersama barisan Pengurusan LADA

**PENCAPAIAN KPI HRMIS BAGI TAHUN 2018**

LADA telah mencapai 100% dalam pencapaian Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) dan menerima Sijil Anugerah Kecemerlangan KPI HRMIS Tahun 2018 pada 25 Julai 2019 melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan HRMIS Peringkat Jabatan Perdana Menteri (JPM) Bil 1 Tahun 2019 bertempat di Bilik Persidangan Dinamik Aras 2, Blok B1, Kompleks Jabatan Perdana Menteri.

JABATAN PERDANA MENTERI

ANUGERAH KECEMERLANGAN
PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) HRMIS
TAHUN 2018

kepada

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

di atas pencapaian cemerlang

100%
KPI HRMIS TAHUN 2018

Penilaian KPI HRMIS merangkumi enam kriteria:

1. Pengemaskinian Data Perjawatan: Perbandingan Bilangan Perjawatan di antara HRMIS dan MyPost;
2. Pemurniaan Data : 21 elemen merangkumi Data Perjawatan, Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan di dalam HRMIS;
3. Pelaksanaan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan bagi Tahun 2018 melalui HRMIS;
4. Pelaksanaan Sasaran Kerja Tahunan bagi Tahun 2018 melalui HRMIS;
5. Pelaksanaan Perisytiharan Harta melalui HRMIS; dan
6. Pelaksanaan Penamatan Perkhidmatan melalui HRMIS bagi Paksa kerana Had Umur (55 / 56 / 58 / 60), Penamatan Sukarela – Persaraan Pilihan dan Kematian Dalam Perkhidmatan Persaraan)

**LAPORAN AKTIVITI UNIT INOVASI DAN KUALITI 2018**

**PENGENALAN**

Selaras dengan aspirasi transformasi Kerajaan, LADA telah menubuhkan Unit Inovasi dan Kualiti (UnIK) untuk menerajui dan memantau semua inisiatif berteraskan pengurusan kualiti dan inovasi. UnIK memainkan peranan penting di dalam merancang, mengurus dan menyelaras aktiviti-aktiviti peningkatan inovasi dan kualiti di LADA. Selari dengan peranan tersebut, pelbagai inisiatif dan aktiviti telah dilaksanakan bagi memantapkan lagi sistem pengurusan kualiti dan mutu kerja serta meningkatkan keupayaan kakitangan LADA untuk menghasilkan idea-idea kreatif baru yang bernas dan memberi impak yang tinggi kepada LADA. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah Pensijilan MS ISO 9001:2015, usaha-usaha kearah Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) 2.0, dan myPortfolio serta beberapa program inovasi lain. Berikut merupakan aktiviti-aktiviti yang diadakan:

**SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2015**

Lembaga Pembangunan Langkawi telah memperolehi pensijilan MS ISO 9001:2015 pada 5 September 2017. Pensijilan ini meliputi empat (4) skop perkhidmatan iaitu Pengurusan Acara Pelancongan, Pengurusan Promosi Pelancongan, Pengurusan Pembangunan Projek Fizikal dan Pengurusan Pelaburan Komersil. Kesinambungan kepada pensijilan tersebut, dalam tempoh tiga tahun pensijilan, LADA akan melalui Audit Pemantauan oleh SIRIM QAS Sdn. Bhd. selama dua tahun sebelum tamat tempoh. Audit Pemantauan ini adalah bertujuan untuk memastikan kepatuhan kepada proses kerja dan prosedur yang telah dikuatkuasakan.

Penilaian Audit Pemantauan Pengurusan Kualiti LADA oleh SIRIM yang pertama telah diadakan pada 26 hingga 30 November 2018. Hasil daripada penilaian tersebut LADA masih berjaya mengekalkan pensijilan dengan zpensijilan dengan tiada Nonconformance Report (NCR). Pemantauan secara berterusan melalui Pengauditan Dalaman terhadap prosedur kerja yang telah dibangunkan akan dibuat pada setiap tahun dan seterusnya diikuti dengan pengauditan bagi tujuan Pensijilan Semula oleh SIRIM QAS Sdn. Bhd. pada September 2020.

Oleh yang demikian, berikut adalah aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan dalam memastikan peralihan Sistem Pengurusan Kualiti versi baharu berjalan dengan lancar:

**1. BENGKEL DOKUMENTASI SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO (SKOP BARU) 9001:2015**

Pada 3 dan 4 April 2018, LADA telah menganjurkan Bengkel Dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO (Skop baru) 9001:2015 bertempat di Institut Pengurusan Peladang, Institut Pengurusan Peladang (IPP), Kuah, Langkawi. Bengkel Dokumentasi ini diadakan bertujuan untuk mengemaskini dokumen SPK dengan keperluan-keperluan baru yang merangkumi tiga aspek iaitu dokumen berkaitan Konteks Organisasi & penentuan skop, dokumen berkaitan Pengurusan Risiko dan dokumen berkaitan Objektif Kualiti & Pelan Tindakan. Selain itu, ianya juga adalah untuk memastikan dokumentasi SPK yang sediada memenuhi keperluan Standard ISO 9001:2015 samada dari segi Manual Kualiti, Prosedur mahupun borang-borang yang berkaitan.

**2. BENGKEL PEMURNIAN DOKUMENTASI SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO (SKOP BARU) 9001:2015**

Pada 21 hingga 23 Mei 2018, LADA telah menganjurkan Bengkel Pemurnian Dokumentasi SPK MS ISO (Skop baru) 9001:2015 bertempat di IPP, Kuah, Langkawi. Bengkel pemurnian ini diadakan bertujuan untuk menyemak dan mengemaskini dokumentasi SPK agar memenuhi keperluan Standard ISO 9001:2015. Dokumentasi itu adalah meliputi manual organisasi, prosedur-prosedur kerja dan borang serta senarai semak yang berkaitan.

**3. KURSUS AUDIT KUALITI DALAMAN MS ISO 9001:2015**

Pada 7 hingga 9 Ogos 2018, BSMKP sekali lagi mengadakan Kursus Audit Kualiti Dalaman MS ISO 9001:2015. Kursus ini dihadiri oleh seramai 25 orang ahli Jawatankuasa Audit Dalaman LADA. Kursus ini penting untuk diadakan yang bertujuan mendedahkan peserta tentang konsep, panduan, tatacara dan amalan pelaksanaan SPK yang berkesan. Sepanjang kursus berjalan, peserta akan turut dibimbing untuk mengendalikan proses pengauditan sebenar (Role Play) dan diakhir program, peserta akan lebih berkemampuan untuk mengendalikan Audit Dalaman dengan efisyen. Kursus ini juga merupakan syarat utama yang perlu ada pada juruaudit dalaman ISO sebelum diberi kelayakan untuk membuat audit dalaman ISO LADA.

### 4. MAJLIS PEMBUKAAN AUDIT DALAMAN ISO

Pada 18 September 2018 telah diadakan Majlis Pembukaan Audit Dalaman ISO yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Azizan Bin Noordin, Ketua Pegawai Eksekutif LADA bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 8.

### 5. MAJLIS PENUTUPAN AUDIT DALAMAN ISO

Pada 18 Oktober 2018 telah diadakan Majlis Penutupan Audit Dalaman ISO yang telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Azizan Bin Noordin, Ketua Pegawai Eksekutif LADA bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 8.

### 6. PENGAUDITAN SIRIM QAS MS ISO 9001:2015

Pada 26 hingga 30 November 2018 berlangsungnya Pengauditan SIRIM QAS MS ISO 9001:2015 yang diketuai oleh Encik Khalid Bin Saleman dan Juruaudit Puan Kamsiah Binti Mansoor. Mesyuarat Pembukaan dan Penutupan Audit dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Azizan Bin Noordin, Ketua Pegawai Eksekutif LADA bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 8, Kompleks LADA. Dari penghasilan Pengauditan SIRIM QAS MS ISO 9001:2015, LADA telah layak dipersijilkan oleh SIRIM QAS Sdn. Bhd. LADA memperolehi dua Opportunities for Improvement (OFI) dan tiada Nonconformity Reports (NCR).

SIRIM QAS

SIJIL

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
KOMPLEKS LADA
PERSIARAN PUTRA
07000 LANGKAWI
KEDAH DARUL AMAN
MALAYSIA

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati

ISO 9001:2015

QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS - Requirements

Skop Pensijilan

1) PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN;
2) PENGURUSAN PROMOSI PELANCONGAN;
3) PENGURUSAN ACARA PELANCONGAN; DAN
4) PENGURUSAN PELABURAN KOMERSIL.

Tarikh dikeluarkan : 04 September 2017
Tempoh sah : 05 September 2017 - 04 September 2020
No. Pensijilan : QMS 02754

Mohd Azaruddin Salleh
Pengarah Urusan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Pensijilan Skop Baharu oleh SIRIM QAS Sdn. Bhd.

### EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

LADA sedang dalam proses menggembleng usaha melaksana amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) bagi pensijilan sasaran Oktober tahun 2017. Program ini penting untuk dilaksanakan di LADA dalam mewujudkan pelaksanaan amalan yang berimej korporat, persekitaran kerja yang kondusif, mengutamakan kreativiti & inovasi serta "go green". Melalui program seumpama ini, ianya mampu meningkatkan lagi tahap profesionalisme pegawai dan imej LADA sebagai agensi korporat yang disegani. Antara aktiviti yang telah dijalankan kearah merealisasikan sasaran pensijilan tersebut adalah:

**1. PELANCARAN BIG CLEANING DAY EKSA LADA**

Pelaksanaan Big Cleaning Day kali kedua diperingkat jawatankuasa induk EKSA LADA telah dibuat pada 18 Julai 2018 Program ini akan memberi fokus pembersihan di ruang tempat kerja dan ruang umum di setiap bahagian / unit. Bagi memastikan agar keberkesanan program tercapai, setiap bahagian / unit dibekalkan dengan senarai semak untuk dijadikan rujukan semasa program berjalan.

**2. KURSUS AUDIT DALAMAN EKSA**

Kursus ini telah diadakan pada 22 Februari 2018 bertempat di Dewan Besar, LADA yang di dibimbing oleh Fasilitator terlatih Unit pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang telah dilantik. Kursus ini dihadiri oleh 25 orang juruaudit dalaman EKSA LADA. Objektif utama mengadakan kursus adalah bagi memberi kefahaman yang mendalam mengenai kepentingan Audit Dalaman EKSA, mempelajari kaedah menjalankan aktiviti Audit Dalaman EKSA secara sistematik dan mengetahui aspek pengurusan dan penilaian Audit termasuk dokumentasi dan kriteria audit.

**3. PENILAIAN EKSA LADA OLEH MAMPU**

Penilaian EKSA LADA telah dilaksanakan oleh MAMPU pada 27 hingga 28 Februari 2018. Hasil penilaian tersebut, LADA telah memperoleh sijil EKSA pada 15 Mac 2018 dan tamat tempoh pada 14 Mac 2020 dengan kategori CEMERLANG. Kesinambungan pencapaian tersebut, dalam memastikan ianya akan menjadi amalan dan budaya yang berterusan kepada warga LADA, Perancangan program dan aktiviti telah dirangka bagi tujuan EKSA 2.0 akan datang.

**4. SESI KNOWLEDGE SHARING PENANDA ARAS EKSA DI MARKAS WILAYAH LAUT 3 (MWL 3)**

LADA telah menerima jemputan daripada Markas Wilayah Laut 3 (MWL 3) sebagai pemerhati kepada pelaksanan audit dalaman EKSA yang telah dilaksanakan oleh MWL 3. Sehubungan dengan itu, pada 28 Julai 2018 LADA telah bersetuju untuk menghantar tiga (3) pegawai sebagai pemerhati dan sekaligus mengadakan Sesi knowledge sharing bersama MWL 3. Antara pegawai yang terlibat ialah Pegawai Tadbir N54 iaitu Encik Khalid Bin Ibrahim, Pegawai Tadbir N48 iaitu Nordiana Binti Nordin dan Pegawai Tadbir N41 iaitu Furzannie Hanna Binti Arif.

## 5. LAWATAN PENANDA ARAS EKSA KE SEKOLAH HENRY GURNEY TELOK MAS, MELAKA

Pada 18 Oktober 2018, LADA telah mengadakan satu lawatan penanda aras EKSA ke Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka yang telah disertai seramai 40 orang yang terdiri daripada ahli jawatankuasa audit dalam EKSA. Tujuan lawatan ini dilaksanakan bertujuan untuk memantapkan pengetahuan Auditor EKSA melalui lawatan penanda aras ini di mana Sekolah Henry Gurney ini merupakan agensi yang terbaik dan cemerlang.

Swafoto Jawatankuasa Kerja Induk EKSA di hadapan Sekolah Henry Gurney

Taklimat oleh Jawatankuasa Kerja Induk EKSA Sekolah Henry Gurney kepada Jawatankuasa induk EKSA LADA

Sudut Induk EKSA Sekolah Henry Gurney dan ruang kerja pejabat di Sekolah Henry Gurney

Sudut Induk EKSA Sekolah Henry Gurney dan ruang kerja pejabat di Sekolah Henry Gurney

## 6. LAWATAN PENANDA ARAS EKSA DARI JABATAN / AGENSI LUAR KE LADA

Pada tahun 2018, LADA telah menerima lawatan penanda aras daripada dua buah agensi iaitu Politeknik Merlimau, Melaka pada 25 Oktober 2018 dan Kementerian Kebajikan, Komuniti, Wanita, Keluarga Dan Pembangunan Kanak-kanak, Kuching, Sarawak dan Lembaga Hasil Dalam Negeri pada 19 November 2019. Lawatan penanda aras ini bertujuan bagi mendapatkan pandangan yang jelas berhubung pelaksanaan EKSA di LADA, di samping memberikan peluang kepada LADA dan agensi-agensi tersebut untuk berkongsi ilmu ke atas kejayaan LADA mendapat pensijilan kategori cemerlang dalam EKSA pada 15 Mac 2018 yang lalu.

Lawatan Penandaaras EKSA dari Kementerian Kebajikan, Komuniti, Wanita, Keluarga Dan Pembangunan Kanak-kanak, Kuching Sarawak

**myPortfolio**

Mulai tahun 2018, MAMPU telah mengeluarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil.4 mengenai myPortfolio yang dahulunya dikenali sebagai Fail Meja (FM). Pekeliling ini merupakan pendekatan baharu dalam pelaksanaan bidang dan tanggungjawab secara komprehensif dan terurus di setiap agensi.

Selaras dengan arahan pekeliling yang telah dikeluarkan, LADA telah memulakan myPortfolio dan telah dikuatkuasakan pada 3 Mac 2019 pada status 100% pelaksanaan dengan jumlah perjawatan secara keseluruhan 315 kakitangan lantikan tetap.

Antara elemen utama yang menjadi fokus kepada myPortfolio adalah berkaitan Deskripsi Tugas (*Job Description – JD*) yang menggantikan elemen senarai tugas di dalam FM. Mengambilkira kepentingan dan peranan myPortfolio dalam tadbir urus pengurusan di LADA, beberapa bengkel dan klinik telah dijalankan seperti berikut:

1. **Bengkel myPortfolio LADA kepada Champion bahagian**
   Tarikh : 2-4 Disember 2018
   Tempat : Bayview Georgetown Hotel, Pulau Pinang

2. **Taklimat Pemantapan kepada Champion myPortfolio bahagian/unit**
   Tarikh : 24 Januari 2019
   Tempat : Bilik Mesyuarat, Aras 3, Kompleks LADA

3. **Taklimat penyelarasan Job Description myPortfolio**
   Tarikh : 11 Februari 2019
   Tempat : Bilik Mesyuarat, Aras 3, Kompleks LADA

**PENUTUP**

Pengurusan kualiti dan inovasi adalah antara elemen penting dalam menentukan hala tuju sesebuah jabatan melalui penyeragaman proses kerja dan pelaksanaan amalan kerja yang berkualiti, kreatif dan berinovatif. Pada tahun 2017, Unit Inovasi dan Kualiti memfokuskan kepada Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), Pensijilan MS ISO 9001:2015 dan Penarafan Bintang Sektor Awam (SSR). Rancangan inovasi juga ditekankan dengan pelaksanaan pelbagai program berorientasikan inovasi dan kreativiti.

## 11.2 Unit Sewaan Dan Pengurusan Aset

Fokus Unit Sewaan dan Pengurusan Aset (Unit SPA) adalah dalam menguruskan sewaan perumahan, sewaan kemudahan di Kompleks LADA dan pengurusan aset alih milik LADA. Unit SPA ditadbir oleh seorang Penolong Pegurus Kanan dan dibantu oleh lapan orang kakitangan.

**PERUMAHAN LADA**

Unit SPA bertanggungjawab menguruskan enam buah taman perumahan milik LADA di sekitar Pulau Langkawi yang disewakan kepada kakitangan LADA, kakitangan kerajaan serta anak syarikat milik LADA dengan syarat-syarat tertentu. LADA mengamalkan sistem senarai menunggu untuk pemohon dan penawaran sewaan dibuat berdasarkan sistem giliran. Selain rumah sewa, LADA juga menyediakan kemudahan rumah tamu yang terletak di Taman Nilam untuk kakitangan LADA dan jabatan kerajaan yang berkunjung ke Langkawi.

**STATUS PENYEWAAN RUMAH SEWA LADA BAGI TAHUN 2018 (Sehingga 31 Disember 2018)**

| LOKASI | JENIS RUMAH | JUMLAH RUMAH (UNIT) | JUMLAH RUMAH YANG DISEWA (UNIT) | BAKI RUMAH KOSONG (UNIT) |
|---|---|---|---|---|
| Taman Desa Permata | Apartment 3 bilik | 276 | 246 | 30 |
| Taman Sri Berlian | Apartment 3 bilik | 84 | 59 | 25 |
| | Teres 2 tingkat | 1 | 1 | 0 |
| Taman Kenari | Apartment 3 bilik | 300 | 175 | 125 |
| Taman Nilam | Teres | 95 | 76 | 14 |
| | Rumah Tamu | 5 | 0 | 5 |
| Taman Medan Berjaya | Teres 1 Tingkat | 13 | 13 | 0 |
| | Teres 2 Tingkat | 9 | 9 | 0 |
| | Banglo 2 Tingkat | 1 | 0 | 1 |
| Chogm Villa | Town House 1 Tingkat | 5 | 3 | 2 |
| | Town House 2 Tingkat | 4 | 3 | 1 |

**AKTIVITI SEWAAN PERUMAHAN LADA TAHUN 2018**

1. Melaksanakan Gerak Kerja Pemutihan Premis Atau Dikenali Dengan Nama Ops Pemutihan.

   Ops Pemutihan ini dijalankan sebanyak dua kali dalam setahun yang diketuai oleh Unit SPA dan turut dibantu oleh Bahagian Kewangan, Unit Undang-Undang, Unit Penyelenggaraan dan Unit Keselamatan LADA. Ops Pemutihan bagi tahun 2018 telah dilaksanakan secara berperingkat mengikut lokasi dan tarikh yang telah ditetapkan bermula daripada 5 hingga 7 April 2018 (Siri 1) dan 18 November hingga 25 Disember 2018 (Siri 2).

   Pendekatan yang digunakan semasa gerak kerja ini adalah dengan melawat setiap perumahan yang berpenyewa untuk bertemu secara berhadapan bagi memastikan penyewa sebenar yang menduduki mengikut penawaran serta turut memfokuskan kepada penyewa yang mempunyai tunggakan.

2. Program Kesedaran Wabak Denggi Di Taman-Taman MIlik LADA

   I. PROGRAM SEMBURAN ASAP (*FOGGING*)

   LADA dengan kerjasama Unit Kawalan Vektor, Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi telah melaksanakan program semburan asap (*fogging*) di taman-taman milik LADA. Semburan asap dibuat sebagai langkah kawalan dan pencegahan terhadap wabak demam denggi.

   II. PROGRAM KESEDARAN DENGGI DI TAMAN DESA PERMATA

   Selain itu, LADA juga telah melaksanakan program kesedaran kesihatan (wabak demam denggi), bacaan yasin dan solat hajat di surau Taman Desa Permata pada 22 Oktober 2018. Program ini turut menjemput pegawai kesihatan sebagai penceramah daripada Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi bagi berkongsi peranan penduduk dan kaedah kawalan terhadap demam denggi. Program ini telah dihadiri seramai 70 orang penduduk Taman Desa Permata.

3. Program Gotong-Royong di Taman Desa Permata

LADA telah mengadakan satu program gotong-royong di Taman Desa Permata pada 22 September 2018. Program ini turut melibatkan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) dan SWCorp. Program gotong-royong ini melibatkan pelaksanaan pembersihan kawasan sekitar, penebangan dahan-dahan pokok yang dikhuatiri membahayakan orang awam, pemeriksaan jentik-jentik di kawasan air bertakung dan memasukkan ubat jentik-jentik di dalam bekas / kawasan yang mempunyai air bertakung. Program gotong-royong ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk taman tersebut dengan jumlah kehadiran seramai 120 orang termasuk kakitangan daripada jabatan terlibat.

4. Kaunter Khas Melayu Islam Kedah (MIK) bagi Sewa Beli Rumah Taman Nilam, Langkawi

Kaunter Khas Sewa Beli Rumah Jenis C, Taman Nilam telah dibuka kepada 123 penduduk MIK yang terlibat bagi memberi kemudahan kepada mereka dalam menjelaskan bayaran kepada LADA. Kaunter khas ini dilaksanakan sebanyak tiga siri dalam tahun 2018 seperti berikut:

i) 8 Februari 2018
ii) 16 Mei 2018
iii) 18 November 2018

Kaunter Khas Siri 4 (18 November 2018) turut melibatkan YB Juhari Bin Bulat, ADUN Ayer Hangat bagi sama-sama memberi sokongan dalam usaha LADA menangani isu perjanjian sewa beli rumah MIK.

**SEWAAN RUANG DAN KEMUDAHAN DI KOMPLEKS LADA**

Unit SPA turut menguruskan tempahan dan sewaan ruang serta kemudahan yang terdapat di Kompleks LADA. Antara kemudahan yang disewakan seperti berikut:

| JENIS KEMUDAHAN | PENYEWA | KADAR | | |
|---|---|---|---|---|
| | | HARI BEKERJA (RM) | CUTI AM (RM) | MALAM (RM) |
| Auditorium | Kerajaan / NGO | 100.00 | 160.00 | 260.00 |
| | Swasta | 350.00 | 410.00 | 410.00 |
| Dewan Besar | Kerajaan / NGO | 100.00 | 160.00 | 260.00 |
| | Swasta | 350.00 | 410.00 | 410.00 |
| Ruang Legar | Terbuka | 30.00/hari | 1 meja oblong besar + 5 buah kerusi | |
| | | 100.00/hari | Sebahagian ruang | |

**UNIT PENGURUSAN PRODUK KOMERSIL & FASILITI (UniFC)**

Unit Pengurusan Produk Komersil & Fasiliti (UniFC) bertanggungjawab dalam pengurusan sewaan dan penyelenggaraan fasiliti, premis dan produk-produk milik LADA sekitar Pulau Langkawi. UniFC ditadbir oleh seorang Penolong Pegawai (BSMKP) dan dibantu oleh 19 orang kakitangan termasuklah Pembantu Operasi dan Pembantu Awam. Unit ini juga bertanggungjawab untuk melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan secara berkala terhadap fasiliti, premis dan produk-produk milik LADA.

**PREMIS PERNIAGAAN MILIK LADA**

UniFC bertanggungjawab menguruskan 106 unit premis perniagaan milik LADA yang terdiri daripada ruang pejabat, gerai makan dan kiosk. Premis perniagaan atau ruang niaga milik LADA ini ditawarkan kepada bumiputera sahaja dengan syarat-syarat dan terma-terma yang telah ditetapkan. Setiap permohonan yang dibuat akan dimasukkan ke dalam senarai menunggu dan sekiranya premis perniagaan tersebut berada dalam keadaan boleh disewakan maka permohonan ini akan diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan Produk & Fasiliti (JKPF). Namun begitu, sekiranya premis tersebut terdapat kerosakan atau perlu pembaikan, permohonan tersebut akan dimasukkan di dalam senarai menunggu.

**STATUS PENYEWAAN PREMIS PERNIAGAAN LADA BAGI TAHUN 2018**

| LOKASI PREMIS | JUMLAH | DIDUDUKI | BOLEH DISEWAKAN | PERLU PEMBAIKIAN | DALAM PEMBAIKIAN | % DIDUDUKI |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Kompleks LADA** | | | | | | |
| - Ruang Pejabat | 6 | 6 | 0 | – | – | 100.00% |
| - Gerai Makan | 5 | 3 | 2 | – | – | 60.00% |
| - Kiosk | 13 | 10 | 0 | 3 | – | 76.92% |
| Dataran Lang / Taman Lagenda | 13 | 12 | – | 1 | – | 84.61% |
| Taman Desa Permata | 6 | 6 | 0 | – | – | 100.00% |
| Taman Seri Berlian | 6 | 6 | 0 | – | – | 100.00% |
| Kompleks Perniagaan Kilim | 7 | 5 | 2 | – | – | 71.43% |
| Kedai Taman Kenari | 6 | 4 | 0 | 2 | – | 66.67% |
| Teluk Bujur Tuba | 10 | 6 | 4 | – | – | 60.00% |
| Taman Nilam | 12 | 3 | 9 | – | – | 25.00% |
| Damansara Business Centre | 7 | 1 | 6 | – | – | 14.28% |
| **Kompleks Sukan Langkawi** | | | | | | |
| - Gerai di Stadium | 11 | 8 | 0 | 3 | – | 72.72% |
| - Ruang Niaga di Kompleks Tenis KSL | 2 | 2 | 0 | – | – | 100.00% |
| - Bilik Taekwando di Stadium | 1 | 1 | 0 | – | – | 100.00% |
| - Ruang Niaga di Dewan KSL | 1 | 1 | 0 | – | – | 100.00% |
| **Jumlah** | **106** | **74** | **25** | **8** | **–** | **69.81%** |

## PRODUK PELANCONGAN MILIK LADA

UniFC juga bertanggungjawab menguruskan 14 unit produk pelancongan milik LADA yang diserahkan kepada anak-anak syarikat LADA atau syarikat-syarikat lain secara Manage & Operate. Bagi pengurusan produk-produk pelancongan milik LADA, UniFC bertanggungjawab menguruskan permohonan, pelanjutan kontrak dan pemantauan berkala. Di samping itu juga, UniFC perlu memastikan aktiviti penyelenggaraan produk dilaksanakan mengikut perancangan serta memastikan perjanjian dipatuhi dan diperbaharui.

ORIENTAL VILLAGE

TELAGA HARBOUR

KOTA MAHSURI


RUMAH KABINET

JETI KILIM

JETI PELANCONGAN KUAH

PEKAN RABU

AYER HANGAT VILLAGE

LAMAN PADI

JETI PELANCONGAN CHENANG

RESTORAN 1MALAYSIA

KERETA KABEL

TANJUNG LEMBUNG

TASIK DAYANG BUNTING

## FASILITI MILIK LADA

UniFC bertanggungjawab menguruskan fasiliti milik LADA yang terdiri daripada Kompleks Sukan Langkawi dan Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC). Antara kelengkapan di Kompleks Sukan Langkawi dan Dewan MIEC adalah seperti berikut:

GELANGGANG SQUASH

DEWAN SERBAGUNA

DEWAN FUTSAL

GELANGGANG FUTSAL

GELANGGANG TENIS

GELANGGANG BOLING PADANG

STADIUM UTAMA

## ACARA-ACARA YANG DIADAKAN DI KOMPLEKS SUKAN LANGKAWI SEPANJANG 2018 (HARIAN)

| BIL. | KEMUDAHAN PEMAINAN | KADAR 1 (KERAJAAN, SEK. / NGO) | KADAR 2 (SWASTA / INDIVIDU) |
|---|---|---|---|
| 1. | Dewan Badminton | RM1,000 | RM2,000 |
| 2. | Dewan Futsal | RM750 | RM850 |
| 3. | Dewan Squash | RM200 | RM300 |
| 4. | Gelanggang Bola Tampar | RM250 | RM350 |
| 5. | Gelanggang Bola Jaring | RM250 | RM350 |
| 6. | Padang Bola Sepak "C" | RM200 | RM300 |
| 7. | Gelanggang Tenis (9 unit gelanggang) | RM500 | RM700 |
| 8. | Gelanggang Bowling Padang (2 unit green) | RM350 | RM450 |
| 9. | Stadium Utama | RM750 | RM1,000 |

**ACARA-ACARA YANG DIADAKAN DI KOMPLEKS SUKAN LANGKAWI SEPANJANG 2018 (JAM)**

| BIL. | KEMUDAHAN PEMAINAN | KADAR 1 (KERAJAAN, SEK. / NGO) | KADAR 2 (SWASTA / INDIVIDU) | KADAR 3 (PENUNTUT SEKOLAH) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Dewan Badminton | RM5.00 | RM8.00 | RM6.00 |
| 2. | Dewan Futsal | RM40.00 | RM60.00 | RM30.00 |
| 3. | Dewan Squash | RM6.00 | RM10.00 | RM6.00 |
| 4. | Gelanggang Bola Tampar (outdoor) | RM15.00 (S)<br>RM30.00 (M) | RM30.00 (S)<br>RM50.00 (M) | RM15.00 (S)<br>RM20.00 (M) |
| 5. | Gelanggang Bola Jaring (outdoor) | RM15.00 (S)<br>RM15.00 (M) | RM30.00 (S)<br>RM30.00 (M) | RM15.00 (S)<br>RM15.00 (M) |
| 6. | Gelanggang Bola Jaring / Bola Baling (indoor - dewan futsal) | RM50 | RM80 | RM50 |
| 7. | Padang Bola Sepak - Padang "C" | RM50 | RM80 | RM15 |
| | Padang Bola Sepak - Padang "C" (kadar sewaan malam) | RM100 | RM130 | RM100 |
| 8. | Gelanggang Tenis | RM5.00 (S)<br>RM8.00 (M) | RM8.00 (S)<br>RM10.00 (M) | RM5.00 (S)<br>RM8.00 (M) |
| 9. | Gelanggang Bowling Padang | RM30.00 (S)<br>RM50.00 (M) | RM50.00 (S)<br>RM70.00 (M) | RM25.00 (S)<br>RM30.00 (M) |

**ACARA-ACARA YANG DIADAKAN DI KOMPLEKS SUKAN LANGKAWI SEPANJANG 2018**

| ACARA / PROGRAM | LOKASI | TARIKH |
|---|---|---|
| Hari Sukan Sekolah | Stadium Utama, Kompleks Sukan Langkawi | Jan - Feb 2018 |
| MSSD | Stadium Utama, Kompleks Sukan Langkawi | 23 – 25 Feb 2018 |
| MSSK | Stadium Utama, Kompleks Sukan Langkawi | 23 – 25 Mac 2018 |
| Majlis Perkahwinan | Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Langkawi | 31 Mac 2018 |
| Majlis Muafakat NGO Berbaiah Langkawi | Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Langkawi | 2 Mei 2018 |
| Langkawi International Marching Band Competition | Stadium Utama Kompleks Sukan Langkawi | 2 – 5 Mei 2018 |
| Kejohanan Lawn Bowls Mahsuri International Miexed Pair | Gelenggang Boling Padang, Kelab Sukan Langkawi | 25 – 30 Jun 2018 |
| Majlis Perkahwinan | Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Langkawi | 9 Jul 2018 |
| Sukan KWSP 2018 | Semua Fasiliti Terlibat | 3 – 6 Ogo 2018 |

| ACARA / PROGRAM | LOKASI | TARIKH |
|---|---|---|
| Asian Junior Tennis (ATF) | Gelanggang Tenis, Kompleks Sukan Langkawi | 27 Ogo – 2 Sep 2018 |
| Majlis Perkahwinan | Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Langkawi | 27 Okt 2018 |
| Majlis Perkahwinan | Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Langkawi | 10 & 17 Nov 2018 |
| Pesta Buku Langkawi | Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Langkawi | Sepanjang Dis 2018 |

**FASILITI DAN KADAR SEWA DI DEWAN MIEC**

| FASILITI | KELUASAN (sqm) | KADAR TIDAK TERMASUK UTILITI (RM) | JUMLAH KADAR TERMASUK UTILITI (RM) | |
|---|---|---|---|---|
| | | | 12 JAM KE BAWAH | 12 JAM KE ATAS |
| *HALL A* | 7,020 | 5,730.00 | 8,030.00 | 10,330.00 |
| *HALL B* | 7,350 | 6,040.00 | 8,340.00 | 10,640.00 |
| *HALL C* | 7,020 | 5,730.00 | 8,030.00 | 10,330.00 |
| *BALLROOM* | 2,340 | 4,090.00 | 6,110.00 | 8,130.00 |
| *PRE-FUNCTION* | 520 | 870.00 | 1,250.00 | 1,630.00 |
| *GALERIA (2 Unit)* | 247 | 500.00/unit | 730.00 / unit | 960.00 / unit |
| *EXECUTIVE LOUNGE (6 Unit)* | 99.16 | 150.00/unit | 270.00 / unit | 390.00 / unit |
| *VIP LOUNGE (6 Unit)* | 99.16 | 150.00/unit | 270.00 / unit | 390.00 / unit |
| *KITCHEN* | 665.50 | 555.00 | 785.00 | 1,015.00 |
| **KESELURUHAN DEWAN** | | **25,815.00** | **37,245.00** | **48,675.00** |

**ACARA-ACARA YANG DIADAKAN DI DEWAN MIEC SEPANJANG 2018**

| ACARA / PROGRAM | LOKASI | TARIKH |
|---|---|---|
| Majlis Reunion | Pre-Function Room, MIEC | 10 Mac 2018 |
| Majlis Perkahwinan | Pre-Function Room, MIEC | 19 Mac 2018 |
| DPLI KEDAH 2018 | Ballroom, MIEC | 7 Mei 2018 |
| Majlis Perkahwinan | Pre-Function Room, MIEC | 21 Jun 2018 |
| Bank Rakyat - Seminar Peperiksaan UPSR | Pre-Function Room, MIEC | 4 Ogo 2018 |
| Royal Langkawi Classic Car Show | Hall B, MIEC | 10–12 Ogo 2018 |
| Royal Langkawi Cat Show | Ballroom, MIEC | 10–12 Ogo 2018 |
| PATA 2018 | Keseluruhan MIEC | 12–14 Sep 2018 |

**ACARA-ACARA YANG DIADAKAN DI DEWAN MIEC SEPANJANG 2018**

| ACARA / PROGRAM | LOKASI | TARIKH |
|---|---|---|
| IRONMAN 2018 | Keseluruhan MIEC | 17 Nov 2018 |
| Kedah Royal Muay Thai International Championship | Hall B, MIEC | 30 Nov – 1 Dis 2018 |
| Paintball Asia Cup 2018 | Hall B & C, MIEC | 27 Okt 2018 |

## 11.3 Unit Perolehan

LADA menguruskan perolehan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan berpandukan kepada prinsip-prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama. Proses perolehan adalah merujuk kepada peraturan Pekeliling Perbendaharaan (PP) dan Arahan Ketua Pegawai Eksekutif (AKPE) LADA dari masa ke semasa.

| KAEDAH PEROLEHAN | KATEGORI | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | BEKALAN | PERKHIDMATAN | KERJA | |
| Tender | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Sebutharga | 24 | 43 | 32 | 99 |
| Rundingan Terus | 0 | 15 | 0 | 15 |
| Pelantikan Perunding | 0 | 3 | 0 | 3 |
| Kerja Requisition (Undian) | 0 | 0 | 13 | 13 |
| Pembelian Terus | 511 | | 0 | 511 |
| Lantikan Terus (Penggiliran) | 0 | 0 | 28 | 28 |
| **Jumlah** | | | | **669** |

| KAEDAH PEROLEHAN | NILAI TAHUNAN (RM) |
|---|---|
| Tender | 0 |
| Sebutharga | 12,778,987.00 |
| Rundingan Terus | 5,741,766.00 |
| Pelantikan Perunding | 13,568.60 |
| Kerja Requisition (Undian) | 386,134.00 |
| Pembelian Terus | 3,069,123.00 |
| Lantikan Terus (Penggiliran) | 431,724.00 |
| **Jumlah** | **22,421,302.60** |

## 11.4 Prestasi Kewangan

**LAPORAN PRESTASI KEWANGAN LADA SEHINGGA 31 DISEMBER 2018**

Lebihan Pendapatan Sebelum Cukai (PBT) LADA sehingga 31 Disember 2018 berjumlah RM55.08 juta menunjukkan penurunan sebanyak 10% berbanding PBT tahun 2017 yang berjumlah RM61.20 juta.

Pendapatan LADA pada tahun 2018 adalah berjumlah RM192.81 juta meningkat sebanyak 31% berbanding dengan pendapatan pada tahun 2017 iaitu berjumlah RM146.73 juta. Komposisi Pendapatan LADA yang dibiayai oleh Geran Kerajaan Persekutuan mewakili 62.7% yang berjumlah RM120.83 juta dan Hasil Dalaman RM71.98 juta (37.3%). Komponen Hasil Dalaman adalah terdiri daripada Pulangan Pelaburan Simpanan Tetap dan Dividen berjumlah RM9.24 juta. Sewaan Premis/Ruang Niaga dan Rumah Kediaman sebanyak RM2.9 juta profit sharing (RM13.49 juta), Pajakan (RM3.66 juta), Yuran Konsesi (RM0.89 juta) dan lain-lain pendapatan (RM41.80 juta).

Perbelanjaan LADA pada tahun 2018 adalah berjumlah RM137.73 juta meningkat sebanyak RM52.20 juta atau 61% berbanding tahun 2017 yang berjumlah RM85.53 juta. Perbelanjaan yang tinggi dalam tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah disebabkan oleh peningkatan di dalam Perbelanjaan Pembangunan sebanyak RM37.45 juta (147.7%).

| PENDAPATAN / PERBELANJAAN | 2018 (RM' JUTA) | 2017 (RM' JUTA) | 2016 (RM' JUTA) | 2015 (RM' JUTA) | 2014 (RM' JUTA) |
|---|---|---|---|---|---|
| Jumlah Pendapatan | 192.81 | 146.73 | 140.61 | 105.20 | 214.16 |
| Jumlah Perbelanjaan | 137.73 | 85.52 | 112.28 | 100.00 | 196.89 |
| Lebihan Dalam Tahun | 55.08 | 61.21 | 28.33 | 5.20 | 17.27 |

**PENDAPATAN VS PERBELANJAAN**




**KOMPOSISI ASET TAHUN 2018**

Aset LADA menunjukkan pertambahan sebanyak RM28.72 juta atau 2.2% kepada amaun RM1,333.27 juta dalam 2018 berbanding tahun 2017 (RM1,304.55 juta). Pertambahan jumlah Aset ini dipengaruhi oleh Tunai dan Kesetaraan Tunai dan ciri-ciri pelaburan yang tinggi iaitu meningkat sebanyak RM56.99 juta (28.9%) serta pertambahan Harta, Loji dan Peralatan sebanyak RM7.84 juta (1.2%)



| | |
|---|---|
| Harta, Loji & Peralatan | 48% |
| Hartanah Pelaburan | 19% |
| Kepentingan Dlm Anak Syarikat | 1% |
| Pelaburan Dlm Saham Tak Siar Harga | 2% |
| Kerja Dlm Pelaksaan | 0% |
| Aset Semasa | 30% |
| Kepentingan Dlm Syarikat Bersekutu | 0% |

**LIABILITI TAHUN 2018**

Liabiliti LADA adalah berjumlah RM496.35 juta pada tahun 2018 menurun sebanyak RM26.14 juta atau 5% berbanding tahun 2017 yang berjumlah RM522.49 juta. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pengurusan Geran Persekutuan yang diiktiraf di dalam Geran Tertunda sebanyak RM32.33 (10.8%)

| ASET, AKTIVITI DAN LIABILITI | 2018 (RM JUTA) | 2017 (RM JUTA) | 2016 (RM JUTA) | 2015 (RM JUTA) | 2014 (RM JUTA) |
|---|---|---|---|---|---|
| Jumlah Aset | | | | | |
| • Aset Bukan Semasa | 943.45 | 960.32 | 922.95 | 887.72 | 863.89 |
| • Aset Semasa | 389.82 | 344.23 | 307.57 | 333.26 | 382.26 |
| | **1,333.27** | **1,304.55** | **1,230.52** | **1,220.98** | **1,246.15** |
| Jumlah Liabiliti | | | | | |
| • Liabiliti Semasa | 26.47 | 16.68 | 19.63 | 13.76 | 19.04 |
| • Liabiliti Bukan Semasa | 469.89 | 505.81 | 495.32 | 213.43 | 215.27 |
| | **496.36** | **522.49** | **514.94** | **227.19** | **234.31** |
| Jumlah Ekuiti | **836.91** | **782.05** | **715.57** | **993.79** | **1,012.14** |
| Jumlah Liabiliti dan Ekuiti | 1,333.27 | 1,304.55 | 1,230.52 | 1,220.98 | 1,246.15 |
| Nisbah Semasa | 14.73 | 20.64 | 15.67 | 24.21 | 20.07 |
| Nisbah Hutang | 0.37 | 0.40 | 0.42 | 0.18 | 0.18 |

**NISBAH KECAIRAN TAHUN 2018**

Kadar Nisbah Semasa LADA pada tahun 2018 menunjukkan setiap RM1 liabiliti dapat ditampung oleh RM 14.73 aset berbanding RM20.64 pada tahun 2017. Ini menunjukkan LADA mempunyai aset semasa yang kukuh dan mempunyai kemampuan untuk membayar balik liabiliti semasanya.

Kadar Nisbah Hutang LADA pada tahun 2018 adalah 0.37 berbanding 0.40 pada tahun 2017 di mana nisbah hutang kurang daripada 0.5 adalah baik. Ini menunjukkan kedudukan kewangan LADA adalah kukuh dan berkemampuan untuk membayar tanggungan jangka panjang.

## 11.5 Pembangunan ICT

**TEKNOLOGI MAKLUMAT MENERAJU TRANSFORMASI DIGITAL**

Perkembangan pesat teknologi maklumat telah membolehkan transformasi digital digunakan di dalam urusan seharian. Kemampuan menguasai dan mengawal maklumat memberi kelebihan dalam meningkatkan proses kerja pengurusan dan pentadbiran sesuatu organisasi menjadikannya lebih sistematik dan teratur. Setiap proses kerja dapat dipercepat melalui kemajuan ICT, termasuklah promosi dan penyebaran maklumat. Begitu juga dengan Bahagian Teknologi Maklumat, beberapa sistem telah dibangunkan untuk memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan LADA.

Dua sistem utama telah dibangunkan sepanjang tahun 2018. Pembangunan sistem ini dilakukan secara dalaman yang secara tidak langsung penjimatan dapat dilaksanakan dengan efektif. Sistem dan aplikasi ini digunakan oleh bahagian / unit di dalam LADA dan ini selaras dengan peranan Bahagian Teknologi Maklumat yang menjadi tunjang dalam membantu dan merealisasikan penggunaan ICT yang holistik di dalam LADA.

**SISTEM PACIFIC ASIA TRAVEL ASSOCIATION (PATA)**

Pacific Asia Travel Association (PATA) Travel Mart 2018 telah diadakan di Pulau Langkawi pada 12 hingga 14 September 2018 di Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC). Sehubungan dengan itu, satu sistem telah dibangunkan untuk memenuhi keperluan Jawatankuasa Pengangkutan dalam merekodkan maklumat peserta dan deligasi yang terdiri dari dalam dan luar negara. Melalui sistem ini, peserta dan deligasi didaftarkan mengikut hotel-hotel yang telah ditetapkan. Maklumat ketibaan dan kepulangan ke lapangan terbang juga direkodkan bagi memudahkan pengurusan pengangkutan bas semasa ketibaan, penghantaran dari hotel ke Dewan MIEC dan juga penghantaran pulang ke lapangan terbang. Melalui sistem ini juga, jawatankuasa dapat menentukan bilangan pengangkutan yang diperlukan untuk membawa peserta mengikuti lawatan dan masa yang ditetapkan sepanjang acara berlangsung.

**SISTEM LIGA LANGKAWI**

Sistem ini dibangunkan untuk liga bola sepak anjuran LADA bertujuan untuk merekodkan maklumat pemain dan pengurus mengikut kuota yang ditetapkan oleh penganjur. Pasukan yang berdaftar diberikan kad penyertaan yang dijana oleh sistem. Sistem ini juga menyediakan kad skor perlawanan yang boleh diisi oleh penganjur secara atas talian. Segala statistik perlawanan seperti jadual, pertemuan pasukan, bilangan kad merah dan kuning serta pemain yang digantung permainan dipaparkan oleh sistem ini untuk dijadikan rujukan penganjur.

## 11.6 Penginstitusian Integriti

Gerak kerja Penginstitusian Integriti melibatkan pengurusan aduan salah laku, siasatan dan tindakan punitif. Melalui Arahan Ketua Pegawai Eksekutif Bilangan 3 Tahun 2017, ia menjelaskan mengenai prosedur sistem pengurusan aduan di LADA terhadap warga LADA yang dilaksanakan oleh Unit Integriti. Tatacara tersebut adalah untuk memastikan aduan dan maklumat yang disalurkan dapat dikendalikan dengan teratur dan menepati pekeliling berkaitan.

Berikut merupakan prosedur pelaksanaan yang perlu dilaksanakan untuk setiap aduan yang diterima bagi tahun 2018:

**Aduan Salah Laku**



Selain itu, beberapa aktiviti telah dirangka bagi menginstitusikan nilai-nilai integriti dalam kalangan warga kerja. Fokus utama pengukuhan integriti termasuk penghebahan pekeliling terbitan LADA, selain memupuk budaya tolak rasuah. LADA juga bergerak ke arah ISO 37001:2016: Sistem Pengurusan Anti Rasuah dengan mewujudkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah bagi meningkatkan ketelusan, keterbukaan, kepatuhan, dan nilai-nilai integriti dalam gerak kerja LADA.

**Hari Antirasuah LADA | 18 April 2018 | Auditorium LADA**

Julung kali diadakan, ia turut diadakan bersekali dengan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dengan kerjasama SPRM Negeri Kedah. Ia turut dihadiri oleh Dato' Hj. Mohamad Fauzi bin Hj. Mohamad, Pengarah SPRM Kedah. Selepas tamat sesi lafaz IBR, Tuan Mohd Zaini bin Hassan, Penguasa SPRM Kedah menyampaikan ceramah bertajuk "Hadiah atau Rasuah?; Penjelasan Terhadap Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998" kepada warga kerja LADA, syarikat-syarikat LADA dan syarikat-syarikat bersekutu LADA.

**Soal Selidik Instrumen Penilaian Integriti (IAT) LADA 2018 | 31 Julai Hingga 2 Ogos 2018 dan 13 Hingga 15 Ogos 2018**

Sesi Kick Off Meeting Pelan Integriti Organisasi bersama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) pada 15 Februari 2018 telah bersetuju untuk menjalankan modul Instrumen Penilaian Integriti (IAT) sebagai salah satu indikator integriti. Susulan itu, Seramai 321 orang telah menyertai kaji selidik ini. Hasil soal selidik dimasukkan sebagai asas Pelan Antirasuah LADA.

**Program i-Talk Siri 1/2018 : Ceramah Polisi Rujukan Bagi Melapor dan Menguruskan Pelanggaran Peraturan Dalam Kalangan Warga Kerja LADA | 15 Oktober 2018 | Auditorium, Kompleks LADA**

Dengan penyertaan 50 orang warga kerja LADA, modul ini mengupas pemahaman warga kerja LADA terhadap Arahan Ketua Pegawai Eksekutif Bilangan 2 Tahun 2017: Polisi Rujukan Bagi Melapor Dan Menguruskan Pelanggaran Peraturan Dalam Kalangan Warga Kerja LADA.

**Program i-Talk Siri 2/2018: Tatacara Pekerjaan Luar Dan Polisi Penerimaan Hadiah LADA | 31 Oktober 2018 | Dewan Besar, LADA**

Garis Panduan Bilangan 3 Tahun 2015: Pemberian dan Penerimaan Hadiah di LADA dan Arahan Ketua Pegawai Eksekutif LADA Bil. 1 Tahun 2017: Permohonan Kelulusan Melakukan Pekerjaan Luar / Kerja Sambilan telah diterbitkan oleh Unit Integriti untuk penggunaannya oleh warga kerja LADA. Penerangan berhubung penggunaannya dilaksanakan dengan penyertaan 40 orang warga kerja LADA.

**Program i-Talk Siri 3/2018 : Pengurusan Perolehan LADA | 11 November 2018 | Dewan Besar, LADA**

Modul ini menjurus kepada pengurusan perolehan LADA melalui Pekeliling Perbendaharaan yang diguna pakai dan pekeliling dalaman yang diterbitkan bagi kelancaran proses perolehan di LADA. Ia dihadiri oleh 30 orang warga kerja LADA.

**Program i-Talk Modul 4: Tatacara Pengurusan Mesyuarat Dan Penyediaan Makanan Mesyuarat | 25 November 2018 | Dewan Besar, Kompleks LADA**

Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Berkualiti (E Mas) dan Tatacara Menghidang Makanan Mesyuarat LADA merupakan garis panduan yang dikeluarkan oleh BSMKP untuk pengurusan mesyuarat yang efektif. Justeru, hebahan dan penghayatannya wajar diketengahkan kepada warga LADA untuk dipraktikkan. Ia telah disertai oleh 30 orang warga kerja LADA.

Aktiviti turut dirangka bagi meningkatkan pematuhan warga LADA bagi peraturan-peraturan yang berkuat kuasa. Antaranya aktiviti yang dijalankan termasuklah;

| BIL. | NAMA PROGRAM / AKTIVITI PEMATUHAN | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | Laporan Kad Perakam Waktu | Januari - Disember |
| 2. | Laporan Keterhutangan Kewangan Yang Serius | |
| 3. | Pemantauan Penerimaan Hadiah | |
| 4. | Pemantauan Pinjaman / Peribadi / Rumah / Komputer / Pendidikan | |
| 5. | Pemantauan Pekerjaan Luar | |
| 6. | Pemantauan Kelulusan Keluar Negara Bagi Tujuan Rasmi | |
| 7. | Hot Spot Checking | Mei dan November |
| 8. | Pengemaskinian Penggunaan Pekeliling Dalaman/ Luaran (Inisiatif 1CCC) | Jun |
| 9. | Isytihar Harta | Julai |

Keberkesanan tadbir urus LADA sentiasa dititikberatkan oleh Lembaga Pengarah LADA bagi penyampaian perkhidmatan yang efektif kepada warga Langkawi dan pemegang taruh. Antara usaha meningkatkan keberkesanan tadbir urus yang dijalankan termasuklah;

| BIL. | TAJUK KERTAS DASAR / GARIS PANDUAN YANG DICADANGKAN / DILAKSANAKAN / DITAMBAHBAIK OLEH UNIT INTEGRITI | IMPAK KEBERKESANAN SEBELUM DAN SELEPAS AKTIVITI TADBIR URUS DILAKSANAKAN |
|---|---|---|
| 1. | Panduan Tindakan Terhadap Sokongan Yang Diterima Daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh Atau Mana-mana Orang Berhubung Suatu Urusan Lembaga | Mengatasi masalah pengaruh luar dalam melaksanakan urusan LADA mengikut prosedur yang telah ditetapkan |
| 2. | Pengesahan Lembaga Pengarah LADA Terhadap 114 Pekeliling Persekutuan Yang Diguna Pakai LADA | Membolehkan LADA mengguna pakai pekeliling-pekeliling Persekutuan tanpa masalah perundangan atau dicabar mana-mana pihak |

## 11.7 Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam (UAD) sentiasa menitikberatkan perancangan yang rapi dan sistematik bagi merangka Rancangan Audit Tahunan yang komprehensif, berkesan dan berimpak tinggi. Aktiviti / Program Pengauditan UAD bagi tahun 2018 adalah berdasarkan Rancangan Audit 2018 yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit yang bersidang pada 11 Disember 2017.

**AKTIVITI PENGAUDITAN BAGI TAHUN 2018**

**PENCAPAIAN RANCANGAN AUDIT TAHUN 2018**

| BIL. | PROGRAM | KUANTITI LAPORAN | |
|---|---|---|---|
| | | RANCANG | PENCAPAIAN |
| 1. | **Kawalan Dalaman & Pematuhan** | | |
| | ***Compliance Self-Assessment (CSA)***<br>i. Semakan Semula Senarai Semak AI. | 1 | 1 |
| | Pengauditan Pengurusan Anak Syarikat :<br>i. LADA Eco-Tourism Sdn. Bhd. | 1 | *- |
| | Pengauditan Pengurusan Perolehan:<br>i. Perbelanjaan Perolehan Penyelenggaraan | 1 | **- |
| | Audit Susulan Terhadap<br>i. Penyata Kewangan LADA 2017.<br>ii. Syarikat Langkawi Port Sdn. Bhd.<br>iii. Syarikat Elegant Services Sdn. Bhd.<br>iv. Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI). | 1 | 4 |
| | Pemeriksaan Mengejut | 2 Kali | **- |
| 2. | **PENGURUSAN PRESTASI** | | |
| | **Pengauditan Pengurusan Acara**<br>i. Semakan Terhadap Acara Karnival MOF Bersama Rakyat Dan Langkawi Hebat | 1 | 1 |
| | **Pengauditan Khas / Siasatan**<br>i. Isu Halatuju Pengurusan Projek Naiktaraf Langkawi Falls.<br>ii. Isu Tuntutan Pampasan Oriental Village dari LETSB kepada PLSB.<br>iii. Pelantikan Perunding LETSB.<br>iv. Pengurusan Syarikat Telaga Habour Sdn. Bhd. | 1 | 4 |
| 3. | **KHIDMAT NASIHAT SERTA RUNDINGAN** | | |
| | Rundingan / Perbincangan | 40 Kali | 90 Kali |
| | Lawatan Pemantauan Acara / Projek | 6 Kali | 6 Kali |
| | Pengurusan Kualiti : Audit Dalaman ISO | 1 | 1 |
| 4. | ***QUALITY ASSURANCE*** | | |
| | Rancangan Audit Tahunan | 1 | 1 |
| | Laporan Tahunan UAD | 1 | 1 |
| | Laporan Suku Tahun Kepada Jemaah Pengarah | 4 Kali | 3 Kali |
| | Mesyuarat Jawatankuasa Audit LADA | 4 Kali | ***1 Kali |

* Pengauditan diteruskan untuk tahun 2019

** Pengauditan digugurkan bagi melaksanakan Pengauditan Khas atas arahan Ahli JKAD / Pengurusan Tertinggi LADA

*** Penamatan tempoh Keahlian Jawatankuasa Audit pada bulan Mei 2018 dan pelantikan keahlian baharu dibuat pada bulan Oktober 2018.

## 11.8 Perundangan LADA

**PENCAPAIAN UNIT UNDANG-UNDANG BAGI TAHUN 2018**

Sepintas masa lalu, Unit Undang-Undang LADA semakin berkembang di dalam mengendalikan kerja-kerja meliputi 5 fungsi utama seperti berikut:

Sepanjang tahun 2018 banyak kemenangan besar dalam tindakan mahkamah telah berjaya dicapai oleh Unit Undang-Undang termasuklah berjaya menuntut pemilikan semula hartanah di Mahkamah Persekutuan, menang di dalam tuntutan pengambilan balik tanah di Mahkamah Persekutuan dan di dalam pertikaian projek pembangunan dengan pihak kontraktor di Mahkamah Tinggi.

Unit Undang-Undang juga aktif dalam melaksanakan tindakan perundangan di dalam pungutan hasil LADA. Sepanjang tahun 2018, LADA telah mengambil 87 tindakan perundangan seperti saman untuk mendapatkan penghakiman sehingga pelaksanaan penghakiman seperti sitaan dan saman penghutang penghakiman ke atas penyewa-penyewa yang ingkar dan gagal menjelaskan bayaran sewaan premis-premis LADA berserta pemilikan semula premis sewaan. Bertitik tolak daripada itu, LADA berjaya memungut hampir keseluruhan bayaran tunggakan penyewaan dan pemilikan semula premis dan membuka ruang untuk penawaran rumah sewa dan premis-premis komersial kepada penyewa yang baharu.

Unit Undang-Undang juga telah menyediakan dan menyemak 42 perjanjian dengan menggunakan perkhidmatan pegawai undang-undang LADA dan ini secara tidak langsung mengurangkan kos pentadbiran bayaran guaman kepada peguam.

Unit Undang-Undang pada 12 November 2018 telah menganjurkan program Pendidikan Formal Berterusan (*Continuos Legal Education*) dengan jemputan penceramah dari kalangan peguam panel LADA bertempat di Bilik Seminar Fook Look, Oriental Village, Langkawi. Peserta-peserta yang terlibat adalah daripada bahagian-bahagian dan unit-unit di LADA, pegawai dan kakitangan LADA serta anak-anak syarikat milik penuh LADA yang terlibat secara langsung didalam pelbagai pengurusan kontrak perjanjian dan kutipan hasil. Program ini bertujuan memberi pendedahan dan pendidikan perundangan mengenai amalan terbaik dari sudut perundangan dalam pengendalian aset-aset komersial khususnya.

Melalui kerjasama erat di antara LADA dan peguam panel, sebuah lagi program juga telah direalisasikan iaitu program Sehari Bersama Peguam Panel LADA 2018 pada 12 Disember 2018 bertempat di Pulau Tuba, Langkawi.

Objektif utama program ini adalah untuk membentangkan aktiviti dan pencapaian Unit Undang-Undang sepanjang tahun 2018. Ianya juga bagi membina jaringan kerjasama di antara barisan pengurusan LADA dengan pihak peguam panel LADA melalui pertukaran pendapat berkenaan isu-isu dan status kedudukan undang-undang terkini berkaitan LADA.

Perkongsian maklumat dan pendedahan umum kepada pengurusan tertinggi LADA mengenai pengendalian sesuatu proses perundangan termasuk kes-kes LADA yang masih berjalan di Mahkamah. Meyalurkan kefahaman mengenai fungsi dan aktiviti semasa LADA dalam melaksanakan pembangunan di Langkawi supaya panel peguam dapat memberi perkhidmatan yang selari dengan objektif LADA. Perkongsian pelaksanaan aktiviti dan pendidikan undang-undang secara berterusan kepada kakitangan LADA dan barisan panel peguaml dan Pendedahan kepada panel peguam dengan produk-produk pelancongan terkini di Langkawi.

Unit Undang-Undang turut menitikberatkan pemantauan mutu dan kualiti perkhidmatan guaman dengan melaksanakan kaedah naziran ke atas kesemua panel peguam LADA bagi setiap tahun. Pemantauan ini dilaksanakan melalui semakan semula sijil amalan guaman, sijil tahunan yang diperbaharui oleh Majlis Peguam Malaysia, perlindungan insurans peguam dan profil semasa firma guaman. Selain itu, penilaian status peguam turut dilaksanakan melalui naziran dan laporan pemantauan dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah LADA bagi tujuan penyambungan atau penamatan untuk perkhidmatan panel peguam bagi tahun-tahun yang mendatang. Naziran ini telah sempurna dijalankan pada 8, 13 dan 29 November 2019.

Secara keseluruhannya, prestasi dan perkhidmatan yang disumbangkan oleh panel peguam dan Unit Undang-Undang sentiasa menunjukkan peningkatan di dalam mutu perkhidmatan dengan hasil kerja yang berkualiti bukan sahaja di dalam kerja-kerja khidmat nasihat, penyediaan dokumentasi dan urusan perundangan malah telah membantu LADA dalam memelihara hak dan kepentingannya.

## 11.9 Kelab Sukan & Kebajikan LADA

**PELAPORAN AKTIVITI KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN LADA TAHUN 2018**

LADA juga tidak ketinggalan dalam menjaga kebajikan kakitangan serta menggalakan kakitangannya bergiat aktif di dalam aktiviti sukan dan rekreasi melalui Kelab Sukan dan Kebajikan LADA. Berikut adalah senarai program dan aktiviti yang telah dijalankan di bawah Kelab Sukan dan Kebajikan LADA:

Program : Mesyuarat Agung Kelab Sukan Dan Kebajikan LADA Kali Ke-23
Tarikh : 27 Mac 2018
Tempat : Auditorium, Kompleks LADA

Program : Penyertaan Di Dalam Program Curahan Bakti Seribu Jasa
Tarikh : 10 Februari 2018
Tempat : Kampung Kumpulan, Langkawi

Program : Karnival Sukan LADA (Kasuda) 2018
Tarikh : 15 Ogos 2018
Tempat : Dewan Badminton, Kompleks Sukan Langkawi
Badminton Berpasukan : 17 – 18 April 2018
Bola Baling : 11 – 12 April 2018

Program : Lawatan Kelab Sukan Dan Kebajikan LADA 2018 – Hong Kong, Disneyland, Shenzen, Guangzhou, China
Tarikh : 16 – 21 Mac 2019
Tempat : Hong Kong, Disneyland, Shenzen, Guangzhou, China

Program : Jom Tengok Wayang : Polis Evo 2 Bersama KSKL
Tarikh : 22 November 2018
Masa : Cheah Mega Cineplex, Langkawi

Program : Penyertaan Di Dalam Program Sumbangan Kasih Kepada Anak –anak Yatim & Tahfiz Sempena Ramadan
Tarikh : 6 Jun 2018
Tempat : Hotel Ombak Villa, Langkawi

Program : Pertandingan Boling Antara Bahagian
Tarikh : 20 & 26 November 2018
Tempat : Ampang Superbowl, Langkawi

| 20 November 2018 | |
|---|---|
| Blok Pertama | 10.00 Pagi – 12.00 Tengahari |
| Blok Kedua | 1.00 Petang – 3.00 Petang |
| Blok Ketiga | 4.00 Petang – 6.00 Petang |

| 26 November 2018 (PENENTUAN) | |
|---|---|
| Blok Keempat (Akhir) | 8.00 Malam – 10.00 Malam |
| Penyampaian Hadiah | 10.00 Malam |

Program : Program Kesihatan Dan Kecergasan LADA Bersama Komuniti Langkawi Tahun 2018
Tarikh : 29 Disember 2018
Tempat : Dataran Lang, Langkawi

Program : Penyertaan Di Dalam Program CSR "Love Nature For Our Life, Peace And Future Generation"
Tarikh : 11 Oktober 2018
Tempat : Biogeotrail Kubang Badak, Langkawi

Program : Pendakian Ke 701 Mat Chinchang Cambrian Geoforest Park
Tarikh : 10 November 2018
Tempat : Mat Chinchang Cambrian Geoforest Park, Langkawi

Program : Program Kayak Eco-Adventure LADA 2018
Tarikh : 13–15 Disember 2018
Tempat : Sungai Abang Long Khae / Wang Sai Thong Waterfall, Thailand

Program : Klinik Lawn Bowls Remaja Langkawi
Tarikh : 8 & 15 Disember 2018
Tempat : Padang Lawn Bowls, Kompleks Sukan Langkawi

Program : Penyertaan Di Dalam Program #Mof Bersama Rakyat: Fit For Life
Tarikh : 5 Mei 2018
Tempat : Dataran Lang, Langkawi

Program : Penyertaan Di Dalam Piala Ahli Parlimen Langkawi 2018
Tarikh : 14 April 2018
Tempat : Stadium, Kompleks Sukan Langkawi

Program : Penyertaan Di Dalam Asian Unity Run Langkawi 2018
Tarikh : 18 Ogos 2018
Tempat : Pulau Langkawi

Program : Gunung Raya Run Langkawi Tourism Association Event
Tarikh : 24 Mac 2018
Tempat : Gunung Raya, Langkawi

Program : Penyertaan Di Dalam Langkawi Nite Run 2018
Tarikh : 23 Februari 2018
Tempat : Pantai Cenang, Langkawi

Program : Penyertaan Di Dalam Kejohanan Boling Langkawi 2018: Piala Pengerusi Puspanita Lada
Tarikh : 27 – 28 April 2018
Tempat : Ampang Superbowl, Langkawi

Pemberian Hadiah Hari Lahir Kepada Kakitangan Lada 2018

## 11.10 Puspanita LADA

**STRUKTUR ORGANISASI**

Puspanita LADA mempunyai seramai 142 orang ahli bagi tahun 2018 iaitu seramai 129 orang kakitangan LADA manakala selebihnya adalah daripada kalangan isteri kepada kakitangan lelaki LADA. Pada tahun ini, Puspanita LADA telah menjalankan 19 aktiviti yang merangkumi aspek kerohanian, keagamaan, kebajikan, keusahawanan, sosial dan juga sukan.

**KATEGORI AHLI PUSPANITA LADA**




| TARIKH | ACARA | LOKASI |
|---|---|---|
| 13-14 Januari | Langkawi Education Fair 2018 | Dewan Badminton, Kompleks Sukan Langkawi |
| 30 Januari | Mesyuarat Agung Tahunan Puspanita Cawangan Kementerian Kewangan | Dewan Utama, Kementerian Kewangan |
| 18 Februari | Majlis Perasmian Pusat Anak Permata Negara Langkawi | Pusat Permata Anak Negera Langkawi, Kompleks LADA |
| 27 Februari | Mesyuarat Agung Perwakilan Puspanita Peringkat Kebangsaan 2018 | Puspanitapuri |
| 22 Mac | Sambutan Hari Wanita dan Pelancaran Gerakan Wanita Anti Rasuah (G-War) Peringkat Negeri Kedah | Dataran Pahlawan, Alor Setar, Kedah |
| 28-29 Mac | Liga Bola Jaring Langkawi 2018 Piala Pengerusi Puspanita LADA | Dewan Futsal, Kompleks Sukan Langkawi |
| 27-28 April | Kejohanan Bowling Langkawi Piala Pengerusi Puspanita LADA | Ampang Superbowl, Langkawi |
| 28 Mei | Mesyuarat Agung Puspanita LADA Kali Ke-2 Tahun 2018 | Auditorium, Kompleks LADA |
| 20 Mei - 6 Jun | Program Tadarus Al-Quran Sempena Ramadhan Al-Mubarak | Surau Al-Amin, Kompleks LADA |
| 11 Julai | Majlis Rasmi Mesra Ketua Pegawai Eksekutif LADA | Kompleks LADA |
| 26 Julai | Pertandingan Bola Jaring Piala Dato Pengerusi Puspanita Negeri Kedah | Dewan Wawasan Jitra, Kedah |
| 29 Ogos | Kelas Penyediaan Sabun dan Teknik Solekan | Geopark Inn, Pekan Rabu, Langkawi |
| 28-30 September | Program Eco-Adventure Pulau ke Pulau | Noba Resort, Pulau Tuba, Langkawi |
| 27 Oktober | Kelas Kemahiran Masakan Barat | Kolej Komuniti Langkawi |
| 1-3 November | Lawatan Percambahan Minda | Hatyai, Thailand |
| 21 November | Majlis Lambaian KasihSanjungan Budi dan Sesi Close Up | Restoran Bamboo, Penarak, Langkawi |
| 11 Disember | Hari Puspanita LADA | Dewan Badminton, Kompleks Sukan Langkawi |

# 12.0

# ANAK SYARIKAT LADA / SYARIKAT BERSEKUTU

# 12.0 ANAK SYARIKAT / SYARIKAT BERSEKUTU

## 12.1 Pengurusan Anak Syarikat

LADA telah menubuhkan beberapa anak syarikat / syarikat bersekutu yang bertujuan untuk menguruskan aset-aset strategik dan komersial LADA. Berikut merupakan senarai anak syarikat, syarikat bersekutu dan syarikat-syarikat yang dilantik menguruskan aset-aset LADA seperti carta di bawah:

**SENARAI ANAK SYARIKAT MILIK PENUH / BERSEKUTU PELABURAN DI BAWAH LADA SERTA SYARIKAT YANG MENGURUSKAN ASET LADA**

**Nama Syarikat:**
Panorama Langkawi Sdn. Bhd. (PLSB)

**Kategori:**
Milik Penuh

**Perniagaan Teras:**
Pelancongan Dan Pengangkutan

**Nama Syarikat:**
Lada Eco Tourism Sdn. Bhd. (LETSB)

**Kategori:**
Milik Penuh

**Perniagaan Teras:**
Pelancongan Dan Hospitaliti

**Nama Syarikat:**
International Eagle Resources (IER)

**Kategori:**
Milik Penuh

**Perniagaan Teras:**
Perladangan Dan Perkhidmatan
Pembangunan Hartanah

**Nama Syarikat:**
Integrated Nautical Resort Sdn. Bhd. (INR)

**Kategori:**
Pelaburan Dalam Anak Syarikat Bersekutu

**Perniagaan Teras:**
Rekabentuk, Pembangunan, Pembinaan Dan Pengoperasian Hotel Mewah

**Nama Syarikat:**
Garuda Suci Sdn. Bhd. (GSSB)

**Kategori:**
Pelaburan Dalam Anak Syarikat Bersekutu

**Perniagaan Teras:**
Rekabentuk, Pembangunan, Pembinaan Dan Pengoperasian Hotel Mewah

**Nama Syarikat:**
Royal Langkawi Yatch Club (RLYC)

**Kategori:**
Pelaburan Dalam Anak Syarikat Bersekutu

**Perniagaan Teras:**
Industri Bot

**Nama Syarikat:**
Langkawi Port Sdn. Bhd. (LPSB)

**Kategori:**
Syarikat Bersekutu

**Perniagaan Teras:**
Pengurus Dan Operator Pelaburan

**Nama Syarikat:**
Telaga Harbour Sdn. Bhd.

**Kategori:**
Menguruskan Aset Lada

**Perniagaan Teras:**
Pengurus Dan Operator Pelabuhan

**Nama Syarikat:**
Elegant Services Sdn. Bhd. (ESSB)

**Kategori:**
Lain-lain Pelaburan

**Perniagaan Teras:**
Pengurusan Kompleks Jetty Point

ROYAL LANGKAWI YACHT CLUB

# 13.0

# PENYATA KEWANGAN (TELAH DIAUDIT) LADA TAHUN 2018

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2018 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 10 hingga 31.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 (Akta 423).

### Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

***Emphasis of Matter***

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:

i. Berdasarkan Perjanjian Pemegang Saham yang telah ditandatangani pada 11 April 2014, Lembaga Pembangunan Langkawi dikehendaki memajak tanah Plot 1 yang merangkumi Plot A dan Plot B (PT 2482) kepada Integrated Nautical Resort Sdn. Bhd. untuk tempoh 99 tahun pada kadar bayaran sejumlah RM660,000 setahun. Bayaran ini tidak termasuk bayaran pajakan bagi Plot 2 [Plot C(i) dan Plot C(ii)] yang akan ditentukan kemudian. Berdasarkan kelulusan mesyuarat Lembaga Pengarah LADA Bil 2/2018 bertarikh 11 Oktober 2018, tempoh perjanjian dan bayaran pajakan tanah bagi Plot 1 adalah selama 99 tahun bermula dari tarikh geran baru dikeluarkan iaitu pada 8 Februari 2018. Bagaimanapun, perjanjian pajakan tanah di antara Lembaga Pembangunan Langkawi dan Integrated Nautical Resort Sdn. Bhd. masih belum ditandatangani. Ini akan menyebabkan hasil pajakan tidak dapat dikutip oleh Lembaga Pembangunan Langkawi walaupun sebuah hotel telah pun dibina di atas tanah berkenaan dan mula beroperasi pada bulan Mei 2016.

ii. Mengikut perjanjian yang ditandatangani di antara Integrated Nautical Resort Sdn. Bhd. yang merupakan sebuah syarikat bersekutu LADA dengan sebuah bank bertarikh 18 September 2014, pinjaman berjumlah RM246,540,000 telah diberikan kepada Integrated Nautical Resort Sdn. Bhd.. Perjanjian tersebut turut menyatakan sebaik sahaja perjanjian pajakan ditandatangani, tanah tersebut akan terus dicagar kepada bank pemberi pinjaman tersebut sebagai cagaran pinjaman. Sekiranya perjanjian pajakan diteruskan, LADA berdepan risiko kehilangan tanah tersebut kepada bank berkenaan.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Langkawi bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 (Akta 423). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata

Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pembangunan Langkawi atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Lembaga Pembangunan Langkawi, saya juga melaporkan perkara berikut:

a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Pembangunan Langkawi dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 10 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.

c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

**Hal-hal Lain**

Laporan ini dibuat untuk Ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Pembangunan Langkawi dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**(DATO' HAJI CHE ISA BIN CHE KOB)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
18 DISEMBER 2019

**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**
**(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)**

## PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami **DATO' IR. HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH** dan **DATO' MUHAMAD BIN IDRIS** yang merupakan Pengerusi Bersama dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini berserta dengan nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI pada **31 Disember 2018** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA : **DATO' IR. HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH**
GELARAN : PENGERUSI BERSAMA
TARIKH : 23 JUN 2019
TEMPAT : LANGKAWI

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA : **DATO' MUHAMAD BIN IDRIS**
GELARAN : AHLI LEMBAGA PENGARAH
TARIKH : 23 JUN 2019
TEMPAT : LANGKAWI

**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**
**(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)**

## PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

Saya, **MOHD ASRI REDHA BIN ABDUL RAHMAN (NO. K/P: 610920-02-5381)** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini berserta dengan nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )
diakui oleh penama di atas )
di **LANGKAWI** )
pada 23 - 6 - 2019 )

.....

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
No:K071
Nama:WAN NOOR AZLINA BINTI WAN TEH
1.7.2018-31.12.2020
MALAYSIA

.....
**PESURUHJAYA SUMPAH**

No. 13, Bangunan Arked Teratai
07000 Kuah, Langkawi,
Kedah Darul Aman.
Malaysia

**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**
**(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018**

| | NOTA | KUMPULAN 2018 RM | KUMPULAN 2017 RM | LEMBAGA 2018 RM | LEMBAGA 2017 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **ASET** | | | | | |
| **ASET SEMASA** | | | | | |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI | 5 | 198,345,605 | 230,639,258 | 126,745,809 | 172,476,753 |
| LAIN-LAIN PELABURAN | 6 | 127,719,633 | 25,000,000 | 127,719,633 | 25,000,000 |
| PENGHUTANG PERNIAGAAN | | 666,614 | 74,341 | - | - |
| PELBAGAI PENGHUTANG | 7 | 103,924,014 | 105,193,998 | 134,113,931 | 145,505,548 |
| INVENTORI | 8 | 2,339,722 | 2,251,214 | 1,121,204 | 1,119,746 |
| WANG CAGARAN DAN PRABAYAR | 9 | 1,030,954 | 1,242,074 | 122,419 | 131,688 |
| TERHUTANG DARIPADA SYARIKAT BERKAITAN | | 108,736 | 79,564 | - | - |
| JUMLAH ASET SEMASA | | **434,135,278** | **364,480,449** | **389,822,996** | **344,233,735** |
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | | | |
| KEPENTINGAN DALAM ANAK SYARIKAT | 10 | - | - | 13,700,002 | 13,700,002 |
| PELABURAN DALAM SAHAM TAK SIAR HARGA (KEUTAMAAN) | 11 | 29,500,000 | 30,000,000 | 29,500,000 | 30,000,000 |
| KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU | 12 | 13,371,062 | 16,629,598 | 800,001 | 800,001 |
| HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN | 13 | 678,361,957 | 677,240,761 | 642,151,848 | 634,308,287 |
| HARTANAH PELABURAN | 14 | 241,031,761 | 247,957,691 | 241,031,761 | 247,957,691 |
| ASET HIDUP | 15 | 13,533 | 6,553 | 13,533 | 6,553 |
| KERJA-KERJA DALAM PERLAKSANAAN | 16 | 16,252,695 | 33,549,466 | 16,252,695 | 33,549,466 |
| JUMLAH ASET BUKAN SEMASA | | **978,531,008** | **1,005,384,069** | **943,449,840** | **960,322,000** |
| **JUMLAH ASET** | | **1,412,666,286** | **1,369,864,518** | **1,333,272,836** | **1,304,555,735** |
| **LIABILITI** | | | | | |
| **LIABILITI SEMASA** | | | | | |
| PELBAGAI PEMIUTANG | 17 | 18,371,948 | 5,245,252 | 6,702,595 | 1,046,154 |
| TERIMAAN TERDAHULU | 18 | 3,795,343 | 3,851,739 | 3,795,343 | 3,851,739 |
| PEMIUTANG PERNIAGAAN | | 2,921,527 | 4,771,872 | - | - |
| WANG CAGARAN DAN DEPOSIT DITERIMA | 9 | 6,612,234 | 6,507,078 | 6,612,234 | 6,507,078 |
| PERBELANJAAN TERAKRU | | 21,516,256 | 13,258,851 | 7,782,801 | 2,861,525 |
| PERUNTUKAN CUKAI | | 1,844,837 | 2,415,282 | 1,576,876 | 2,415,282 |
| JUMLAH LIABILITI SEMASA | | **55,062,145** | **36,050,074** | **26,469,849** | **16,681,778** |
| **LIABILITI BUKAN SEMASA** | | | | | |
| GERAN TERTUNDA | 19 | 266,591,237 | 298,920,886 | 266,591,237 | 298,920,886 |
| PENDAPATAN TERTUNDA | 20 | 203,004,525 | 206,659,964 | 203,004,525 | 206,659,964 |
| MANFAAT PEKERJA | | 289,298 | 234,024 | 289,298 | 234,024 |
| JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA | | **469,885,060** | **505,814,874** | **469,885,060** | **505,814,874** |
| **JUMLAH LIABILITI** | | **524,947,205** | **541,864,948** | **496,354,909** | **522,496,652** |
| **ASET BERSIH** | | **887,719,081** | **827,999,570** | **836,917,927** | **782,059,083** |
| **EKUITI** | | | | | |
| LEBIHAN PENDAPATAN TERKUMPUL | | 858,840,230 | 799,120,719 | 808,039,076 | 753,180,232 |
| AKAUN REZAB | | 2,610,876 | 2,610,876 | 2,610,876 | 2,610,876 |
| KUMPULAN WANG PINJAMAN KAKITANGAN | 21 | 900,000 | 900,000 | 900,000 | 900,000 |
| KUMPULAN WANG PELABURAN | 22 | 25,367,975 | 25,367,975 | 25,367,975 | 25,367,975 |
| **JUMLAH EKUITI** | | **887,719,081** | **827,999,570** | **836,917,927** | **782,059,083** |

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembarkan.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**
**(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)**

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

| | | KUMPULAN | | LEMBAGA | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Nota | 2018 RM | 2017 RM | 2018 RM | 2017 RM |
| **PENDAPATAN** | | | | | |
| PEMBERIAN KERAJAAN | 23 | 120,826,022 | 105,397,456 | 120,826,022 | 105,397,456 |
| KEUNTUNGAN SIMPANAN TETAP DAN DIVIDEN | | 9,116,983 | 7,235,293 | 9,236,983 | 7,315,293 |
| HASIL PELBAGAI | 24 | 67,561,429 | 18,339,239 | 62,745,593 | 34,016,917 |
| HASIL OPERASI | 25 | 88,738,258 | 88,770,652 | - | - |
| **JUMLAH PENDAPATAN** | | **286,242,692** | **219,742,640** | **192,808,598** | **146,729,666** |
| **PERBELANJAAN** | | | | | |
| EMOLUMEN | | 26,666,916 | 16,197,710 | 16,949,380 | 16,197,709 |
| PERKHIDMATAN DAN BEKALAN | | 33,117,818 | 33,339,228 | 24,148,582 | 21,443,187 |
| SUSUTNILAI | 13,14,15 | 22,600,578 | 22,626,580 | 18,499,080 | 17,991,718 |
| PERBELANJAAN PEMBANGUNAN | 26 | 62,812,040 | 25,362,744 | 62,812,040 | 25,362,744 |
| KOS JUALAN | | 33,216,228 | 24,262,048 | - | - |
| HUTANG RAGU | | 386,150 | 387,282 | 386,150 | 387,282 |
| HAPUSKIRA | 27 | 2,090,026 | 13,338 | 2,090,026 | 13,338 |
| BAYARAN PELBAGAI | | 35,856,003 | 15,705,372 | 12,841,744 | 4,130,466 |
| **JUMLAH PERBELANJAAN** | | **216,745,759** | **137,894,302** | **137,727,002** | **85,526,444** |
| **LEBIHAN PENDAPATAN** | | **69,496,933** | **81,848,338** | **55,081,596** | **61,203,222** |
| KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) DALAM SYARIKAT BERSEKUTU | | (3,143,284) | (4,289,264) | - | - |
| **LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI** | | **66,353,649** | **77,559,074** | **55,081,596** | **61,203,222** |
| TOLAK : CUKAI | 28 | (5,925,178) | (2,204,516) | (2,497,676) | (1,828,822) |
| : ZAKAT | | (630,080) | (457,563) | - | - |
| **LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI** | | **59,798,391** | **74,896,995** | **52,583,920** | **59,374,400** |
| **LEBIHAN PENDAPATAN TERKUMPUL DIBAWA KE HADAPAN** | | **799,120,719** | **730,713,485** | **753,180,232** | **693,747,168** |
| CAMPUR : PELARASAN TAHUN LEPAS | 29 | (78,880) | (6,489,761) | 2,274,924 | 58,664 |
| **LEBIHAN PENDAPATAN DIHANTAR KE HADAPAN** | | **858,840,230** | **799,120,719** | **808,039,076** | **753,180,232** |

Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembarkan.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**
**(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)**

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**LEMBAGA**

| | Akaun Rezab<br>RM | Akaun Pelaburan<br>RM | Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan<br>RM | Lebihan Pendapatan Terkumpul<br>RM | Jumlah Lembaga<br>RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari 2017 | 2,610,876 | 18,617,975 | 600,000 | 693,747,168 | 715,576,019 |
| Tambahan Dalam Tahun | - | 6,750,000 | 300,000 | - | 7,050,000 |
| Pelarasan Tahun Lepas | - | - | - | 58,664 | 58,664 |
| Lebihan Pendapatan Selepas Cukai | - | - | - | 59,374,400 | 59,374,400 |
| **Baki Pada 31 Disember 2017** | **2,610,876** | **25,367,975** | **900,000** | **753,180,232** | **782,059,083** |
| Pelarasan Tahun Lepas | - | - | - | 2,274,924 | 2,274,924 |
| Lebihan Pendapatan Selepas Cukai | - | - | - | 52,583,920 | 52,583,920 |
| **Baki Pada 31 Disember 2018** | **2,610,876** | **25,367,975** | **900,000** | **808,039,076** | **836,917,927** |

**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**
**(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)**

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**KUMPULAN**

| | Akaun Rezab<br>RM | Kumpulan Wang Pelaburan<br>RM | Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan<br>RM | Lebihan Pendapatan Terkumpul<br>RM | Jumlah Kumpulan<br>RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari 2017 | 2,610,876 | 18,617,975 | 600,000 | 730,713,485 | 752,542,336 |
| Tambahan Dalam Tahun | - | 6,750,000 | 300,000 | - | 7,050,000 |
| Pelarasan Tahun Lepas | - | - | - | (6,489,761) | (6,489,761) |
| Lebihan Pendapatan Selepas Cukai | - | - | - | 74,896,995 | 74,896,995 |
| **Baki Pada 31 Disember 2017** | **2,610,876** | **25,367,975** | **900,000** | **799,120,719** | **827,999,570** |
| Pelarasan Tahun Lepas | - | - | - | (78,880) | (78,880) |
| Lebihan Pendapatan Selepas Cukai | - | - | - | 59,798,391 | 59,798,391 |
| **Baki Pada 31 Disember 2018** | **2,610,876** | **25,367,975** | **900,000** | **858,840,230** | **887,719,081** |

**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**
**(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)**

**PENYATA ALIRAN TUNAI**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

| | KUMPULAN | | LEMBAGA | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 RM | 2017 RM | 2018 RM | 2017 RM |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** | | | | |
| LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI | **66,353,649** | **77,559,074** | **55,081,596** | **61,203,222** |
| PELARASAN BAGI : | 27,258,762 | 16,552,399 | 18,348,346 | 18,033,609 |
| Susutnilai | 22,600,578 | 22,626,580 | 18,499,080 | 17,991,718 |
| Peruntukan Hutang Ragu | 386,150 | 387,282 | 386,150 | 387,282 |
| Pelarasan Tahun-Tahun Lepas | (78,880) | (6,489,761) | (4,881,543) | 56,002 |
| Keuntungan Pelupusan Harta, Loji dan Peralatan | 6,255 | 28,298 | - | (28,298) |
| Pemulihan Hutang Ragu | 2,254,633 | - | 2,254,633 | (386,433) |
| Hapuskira | 2,090,026 | - | 2,090,026 | 13,338 |
| **LEBIHAN PENDAPATAN OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA** | **93,612,411** | **94,111,473** | **73,429,942** | **79,236,831** |
| (Pertambahan)/Pengurangan Pada Aset Kendalian : | | | | |
| Inventori | (88,580) | 8,016 | 70,542 | (1,000) |
| Wang Cagaran dan Prabayar | 211,120 | 698,767 | 9,269 | 625,316 |
| Pelbagai Penghutang dan Pendahuluan | 1,269,984 | 19,130,754 | 11,391,617 | 5,028,852 |
| Penghutang Perniagaan | (592,273) | 110,307 | - | - |
| Terhutang daripada syarikat berkaitan | (29,172) | 79,564 | - | - |
| Pertambahan/(Pengurangan) Pada Liabiliti Kendalian : | | | | |
| Pelbagai Pemiutang dan Terimaan Terdahulu | 2,901,563 | (276,643) | 5,600,045 | 454,319 |
| Pemiutang Perniagaan | (1,850,345) | 294,967 | - | - |
| Wang Cagaran dan Deposit Diterima | 105,157 | (904,837) | 105,157 | (904,837) |
| Perbelanjaan Terakru | 8,257,405 | (2,833,639) | 4,921,276 | (2,918,755) |
| Pendapatan Tertunda | (3,655,439) | (1,606,335) | (3,655,438) | (1,671,248) |
| Tunai Diperolehi Daripada Aktiviti Operasi | 100,141,831 | 108,812,394 | 91,872,410 | 79,849,478 |
| Cukai dibayar | (570,445) | (4,446,323) | (838,406) | (1,352,741) |
| **TUNAI BERSIH DIPEROLEHI DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | **99,571,386** | **104,366,071** | **91,034,004** | **78,496,737** |

**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**
**(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)**

## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | KUMPULAN | | LEMBAGA | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 RM | 2017 RM | 2018 RM | 2017 RM |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN** | | | | |
| Dividen Dibayar | (2,300,000) | (1,500,000) | - | - |
| Pembelian Harta Loji dan Peralatan | (22,421,883) | (10,269,753) | (22,279,707) | (29,768,547) |
| Pelupusan Harta Loji dan Peralatan | 6,854,987 | - | 2,771,438 | |
| Pembelian Hartanah Pelaburan | - | - | - | (30,653,577) |
| Pelupusan aset hidup | 2,752 | 6 | 2,752 | 6 |
| Keuntungan Dari Pelupusan Harta Loji dan Peralatan | - | 28,298 | - | - |
| Penambahan aset hidup | (6,920) | - | (6,920) | - |
| Pertambahan /(Kurangan) Kerja-Kerja Dalam Perlaksanaan | 17,296,771 | 5,236,413 | 17,296,771 | 5,236,413 |
| Pelaburan Simpanan Tetap di Institusi Kewangan Berlesen bagi Deposit Lebih Tempoh Matang 3 Bulan | (102,719,633) | (20,000,000) | (102,719,633) | (20,000,000) |
| Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu dan Saham Tak Siar Harga | 3,758,536 | (4,289,264) | 500,000 | - |
| **TUNAI BERSIH YANG (DIGUNAKAN DALAM)/ DIPEROLEHI DARI AKTIVITI PELABURAN** | **(99,535,390)** | **(30,794,300)** | **(104,435,299)** | **(75,185,705)** |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | | |
| Pemberian Kerajaan Persekutuan | 54,145,009 | 88,782,599 | 54,145,009 | 88,782,599 |
| Penggunaan Pemberian Kerajaan Persekutuan | (86,474,658) | (76,747,056) | (86,474,658) | (76,747,056) |
| Tambahan Kumpulan Wang Pinjaman | - | 300,000 | - | 300,000 |
| Penambahan Bagi Pelaburan | - | 6,750,000 | - | 6,750,000 |
| **TUNAI BERSIH YANG DIPEROLEHI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN** | **(32,329,649)** | **19,085,543** | **(32,329,649)** | **19,085,543** |
| Pertambahan Bersih Tunai Dan Bersamaan Tunai | (32,293,653) | 75,726,961 | (45,730,944) | 22,396,575 |
| Tunai Dan Persamaan Tunai Pada Awal Tahun Kewangan | 230,639,258 | 145,679,793 | 172,476,753 | 150,080,178 |
| **TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN** | **198,345,605** | **230,639,258** | **126,745,809** | **172,476,753** |

| | | |
|---|---|---|
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Terdiri Daripada: | | |
| Simpanan Tetap di Institusi Kewangan Berlesen Bagi Deposit Dalam Tempoh Matang 3 Bulan | 105,348,413 | 150,782,708 |
| Tunai di Tangan dan di Bank | 21,397,396 | 21,694,045 |
| | **126,745,809** | **172,476,753** |

**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**
**(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)**

**PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018**

| | AMAUN BAJET | | BELANJA AMAUN SEBENAR | PERBEZAAN |
|---|---|---|---|---|
| | PERUNTUKAN ASAL RM | PERUNTUKAN DIPINDA RM | RM | RM |
| **MENGURUS** | | | | |
| EMOLUMEN | 17,595,034 | 17,595,034 | 17,595,034 | - |
| PERKHIDMATAN DAN BEKALAN | 7,465,566 | 7,465,566 | 5,655,876 | 1,809,690 |
| ASET | 249,400 | 249,400 | 239,400 | 10,000 |
| BAYARAN-BAYARAN LAIN | 750,000 | 750,000 | 750,000 | - |
| **JUMLAH** | 26,060,000 | 26,060,000 | 24,240,310 | 1,819,690 |
| **PEMBANGUNAN** | | | - | - |
| PERUNTUKAN JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)-P06 | 318,478,468 | 318,478,468 | 310,562,888 | 7,915,580 |
| PERUNTUKAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)-P10 | 106,204,416 | 106,204,416 | 90,710,718 | 15,493,698 |
| **JUMLAH** | 424,682,884 | 424,682,884 | 401,273,606 | 23,409,278 |

**Nota:**

1. Penyata Prestasi Bajet Lembaga telah disediakan dengan menggunakan asas tunai.

2. Penyata Prestasi Bajet disediakan untuk tempoh mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018.

3. Skop bajet yang didedahkan meliputi Peruntukan Mengurus B10 dan Peruntukan Pembangunan P06 dan P10.

4. Bagi Peruntukan Mengurus, terdapat perbezaan amaun bajet berbanding belanja sebenar iaitu RM1,819,690 yang disebabkan oleh penjimatan daripada Peruntukan Mengurus LADA manakala bagi Peruntukan Pembangunan, perbezaan amaun bajet berbanding belanja sebenar iaitu RM23,409,278 disebabkan masih terdapat projek-projek yang dalam perlaksanaan.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**
**(DITUBUHKAN DI MALAYSIA MENGIKUT AKTA 423)**

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

## 1. MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah ditubuhkan pada 15 Mac 1990 di bawah Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990, Akta 423.

Fungsi dan Peranan LADA adalah seperti berikut:

a) Pelancongan dan Kawasan Bebas Cukai
   i) Merangka strategi menyeluruh untuk pembangunan pelancongan, komersial dan perniagaan bebas cukai;
   ii) Bertindak sebagai penyelaras dengan merangka inisiatif dan mekanisme yang efektif;
   iii) Melaksana dan mengurus program dan projek pembangunan pelancongan; dan
   iv) Membangun dan memperkasakan infrastruktur dan pemudahcara pentadbiran serta sistem penyampaian.

b) Pelaburan
   i) Memupuk dan menggalak pelaburan swasta untuk pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan melalui perancangan dan pengurusan strategik; dan
   ii) Melaksanakan sebahagian daripada tugas-tugas perancangan fizikal dan *spatial* untuk menggalakkan pelaburan swasta.

c) Sosioekonomi
   i) Mewujudkan, menggalakkan serta mengusahakan program pembangunan sosioekonomi;
   ii) Menyelaras program dan aktiviti yang berkaitan; dan
   iii) Merancang, menyelaras serta melaksana program bagi penglibatan masyarakat di dalam sektor ekonomi.

## 2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata Kewangan Kumpulan dan Lembaga telah disediakan mengikut dan mematuhi Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990, Akta 423 dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang diterbitkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

### 2.1 Peralihan ke Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)

Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2018, Lembaga telah menerima pakai piawaian pelaporan perakaunan baru iaitu Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Tarikh peralihan kepada rangka kerja MPSAS adalah pada 1 Januari 2015.

Penggunaan MPSAS memerlukan semua piawaian digunapakai dalam penyediaan Penyata Kewangan tahun semasa yang berakhir pada 31 Disember 2018, penyata kewangan perbandingan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017, dan baki awal Penyata Kedudukan Kewangan pada tarikh peralihan kepada MPSAS. MPSAS memberikan tiga (3) tahun pengecualian terhadap penggunapakai retrospektif bagi sesetengah Piawaian.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**
**(DITUBUHKAN DI MALAYSIA MENGIKUT AKTA 423)**

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

## 2. ASAS PENYEDIAAN (sambungan)

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan interpretasi daripada MPSAS yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017, tetapi belum diterima pakai oleh Kumpulan dan Lembaga kerana ianya adalah tidak berkenaan kepada Kumpulan dan Lembaga pada tempoh kewangan:

- MPSAS 4 "The effect of changes in foreign exchange rates
- MPSAS 5 "Borrowing costs"
- MPSAS 21 "Impairment of non-cash generating assets"
- MPSAS 26 "Impairment of cash-generating assets"
- MPSAS 31 "Intangible assets"
- MPSAS 32 "Service Concession Arrangements : Grantor".

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Penyata Kewangan ini telah disediakan mengikut dasar kos sejarah kecuali aset-aset dinyatakan pada nilai penilaian semula. Dasar-dasar penting perakaunan yang dibentangkan seperti berikut:

### a) Penyatuan

Penyata Kewangan yang disatukan meliputi Penyata Kewangan Lembaga dan semua anak syarikatnya. Anak-anak syarikat adalah entiti yang dikawal oleh Lembaga. Kawalan wujud apabila Lembaga mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti. Pelaburan dalam anak-anak syarikat dinyatakan dalam Penyata Kewangan Lembaga pada kos ditolak kerugian penurunan nilai, jika ada.

Keputusan anak-anak syarikat telah dimasukkan di dalam Penyata Kewangan yang disatukan bermula dari tarikh pengambilalihan hingga tarikh penamatan kawalan. Penyata Kewangan yang disatukan disedia menggunakan dasar perakaunan yang sama bagi urusniaga dan peristiwa yang berlaku dalam keadaan yang sama. Baki, urusniaga, pendapatan dan perbelanjaan daripada urusniaga dalam Kumpulan dihapuskan sepenuhnya pada penyatuan.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**
**(Ditubuhkan Di Malaysia Mengikut Akta 423)**

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**b) Hartanah, Loji dan Peralatan**

